



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR
SHAH ALAM**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
EN. ABD TALIB AHMAD
JURULATIH SEPAK TAKRAW DI MALAYSIA
MENGENAI SUKAN SEPAK TAKRAW DAN KAEDAH KEJURULATIHAN**

**NUR YANG SYAQIRIN BINTI MARNI
(2020456146)**

**NURUL AFIQAH ATHIRA BINTI ZULPAKAR
(2020845202)**

SEMESTER OKTOBER 2022 - FEBRUARI 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR

KAMPUS PUNCAK PERDANA

SHAH ALAM

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

EN. ABD TALIB AHMAD

JURULATIH SEPAK TAKRAW DI MALAYSIA

MENGENAI SUKAN SEPAK TAKRAW DAN KAEDAH KEJURULATIHAN

NUR YANG SYAQIRIN BINTI MARNI

(2020456146)

NURUL AFIQAH ATHIRA BINTI ZULPAKAR

(2020845202)

KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA

SEMESTER OKTOBER 2022 - FEBRUARI 2023

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	i-ii
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN DAN SINGKATAN NAMA	v-vi
1.0 BIODATA PENEMUBUAL	1-2
• Nama penuh berserta gambar • Alamat • E-mel • Nama Program • Nama Universiti	
2.0 BIODATA TOKOH	3
• Nama penuh berserta gambar • Nama panggilan • Tarikh lahir • Tempat lahir • Alamat • E-mel • Profesion	
3.0 PENGENALAN	4-8
4.0 KAJIAN LITERATUR	9
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL	10-55
6.0 LOG TEMUBUAL	56-68
7.0 KESIMPULAN	69
GLOSARI	70-72
INDEKS	73-75
RALAT	76-77
RINGKASAN	78-79
RUJUKAN	80
LAMPIRAN	81-98

- BIOGRAFI TOKOH
- PERJANJIAN
- SENARAI SOALAN
- DIARI PENYELIDIKAN
- GAMBAR, SIJIL, DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN

ABSTRAK
TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
EN. ABD TALIB AHMAD
JURULATIH SEPAK TAKRAW DI MALAYSIA
MENGENAI SUKAN SEPAK TAKRAW DAN KAEDAH KEJURULATIHAN

***Abstrak:** Transkrip ini mengandungi temubual bersama Abd Talib Bin Ahmad mengenai latar belakang Abd Talib Ahmad, kaedah kejurulatihan beliau, sejarah permainan sepak takraw dan teknik-teknik yang terdapat dalam sukan tersebut. Temubual ini dijalankan di kediaman Abd Talib Ahmad di Batu Caves, Selangor pada 19 Disember 2022, bermula jam 3 petang. Beliau merupakan seorang jurulatih sepak takraw yang layak berkaliber dalam mengetuai pasukan sepak takraw negara dan juga negeri. Kandungan transkrip ini merangkumi latar belakang beliau termasuk dengan permulaan sebagai jurulatih, dan juga sejarah sukan sepak takraw di Malaysia. Dalam transkrip ini juga diceritakan tentang teknik-teknik yang pemain perlu kuasai dalam permainan sepak takraw serta nasihat Abd Talib Ahmad untuk golongan muda yang baru menjinakkan diri dalam bidang sukan ini dan harapan beliau untuk memajukan sepak takraw negara.*

***Kata Kunci:** Jurulatih, pemain, sepak takraw, sejarah, teknik*

***Abstract:** This transcript contains an interview with Abd Talib Bin Ahmad about Abd Talib Ahmad's background, his coaching methods, the history of sepak takraw and the techniques found in the sport. This interview was conducted at Abd Talib Ahmad's house in Batu Caves, Selangor on 19th December 2022, starting at 3 p.m. He is a coach of sepak takraw sport whom qualified to caliber in leading sepak takraw national team and also state. The content of this transcript includes his background including his beginnings as a coach, as well as the history of sepak takraw in Malaysia. In this transcript, it is also told about the techniques that players need to master in sepak takraw and Abd Talib Ahmad's advice for young people who are new to this sport as well as his hope to advance national sepak takraw*

***Keywords:** Coach, player, sepak takraw, history, technique*

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah, bersyukur kami kehadiran Ilahi atas limpah dan kurnianya kami dapat menyelesaikan projek sejarah lisan ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih juga ingin kami ucapkan kepada Encik Abd Talib Ahmad, kerana sudi untuk menjadi responden kami bagi projek sejarah lisan ini. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Jafalizan Bin Md Jali selaku pensyarah bagi subjek Dokumentasi Lisan (IMR604) kerana tunjuk ajar dan bimbingan daripada beliau kami, Nurul Afqah Athira Binti Zulpakar dan Nur Yang Syaqrin Binti Marni dapat menghasilkan sebuah transkrip temubual dengan jayanya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan kami atas sokongan dan pandangan secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses pembikinan transkrip ini selesai. Akhir sekali ucapan kepada kedua ibu dan bapa kami dan semua ahli keluarga kami atas sokongan dan memahami keadaan yang kami tempuh suka dan duka ketika itu. Diharap agar hasil transkrip ini dapat memberi sedikit sebanyak maklumat yang berguna kepada pembaca dan juga dapat memberi manfaat kepada setiap individu di masa hadapan. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN DAN SINGKATAN NAMA

BIL.	SINGKATAN PERKATAAN	NAMA PENUH
1.	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
2.	PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
3.	STL	Sepak Takraw League
4.	SUKMA	Sukan Malaysia
5.	MSN	Majlis Sukan Negara
6.	ISN	Institut Sukan Negara
7.	IT	<i>Information Technology</i>
8.	UK	United Kingdom
9.	SEA GAMES	Southeast Asian Games
10.	ISTAF	International Sepaktakraw Federation
11.	ASTRO	All-Asian Satellite Television and Radio Operator
12.	TV	Televisyen
13.	SEAP	SouthEast Asian Peninsular Games
14.	ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
15.	ASTAF	Asian Sepaktakraw Federation
16.	OKU	Orang Kurang Upaya
17.	ACL	<i>Anterior Cruciate Ligament</i>

SINGKATAN NAMA

NAA	NURUL AFIQAH ATHIRA
NYS	NUR YANG SYAQIRIN
ATA	ABD TALIB AHMAD

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Biodata Penemubual 1



Nama penuh : Nurul Afiqah Athira Binti Zulpakar
Alamat : *Tanah Merah, 43, Jalan, 43000, Kuala Lumpur, Malaysia*
E-mel : afiqahathira03@gmail.com
Nama Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan
Perpustakaan
Nama Universiti : Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Perdana, Cawangan
Selangor

1.2 Biodata Penemubual 2



Nama penuh : Nur Yang Syaqrin Binti Marni
Alamat : 2024/2025, Jalan, 40150, Kuala Lumpur, Malaysia
E-mel : qirin12@gmail.com
Nama Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan
Perpustakaan
Nama Universiti : Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Perdana, Cawangan
Selangor

2.0 BIODATA TOKOH



Nama penuh : Abd Talib Bin Ahmad
Nama panggilan : Coach Talib
Tarikh lahir : 18 Mac 1971
Tempat lahir : Pedas, Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia :
Alamat :
E-mel : -
Profesion : Jurulatih sukan sepak takraw

3.0 PENGENALAN SEJARAH LISAN

3.1 Pendahuluan

Seni ialah sejenis karya yang dicipta oleh orang yang mahir dengan tujuan untuk menggembirakan orang lain. Ia boleh dianggap sebagai sesuatu yang mempunyai keindahan dan makna yang digemari orang ramai, seperti lukisan, muzik, puisi dan juga arca. Budaya boleh ditakrifkan sebagai cara hidup sesuatu kumpulan manusia, termasuk sistem sosial, struktur organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan nilai yang mereka amalkan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.).

Sejarah lisan ialah cara mengumpul maklumat tentang ingatan seseorang. Orang yang ditemubual boleh memberikan maklumat berharga tentang apa yang berlaku pada masa lalu. Selepas temubual selesai, maklumat tersebut boleh digunakan untuk mengajar dan menyelidik. Maklumat yang diperolehi dari wawancara kemudian disalin dan setelah selesai disemak dan ditaip ianya boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan (Pusat Kajian Sejarah Lisan, n.d.).

Memelihara warisan seharusnya menjadi tonggak utama dalam membangunkan generasi di masa hadapan. Ini kerana, warisan akan melambangkan budaya bagi setiap bangsa yang seharusnya dipraktikkan sehingga akhir zaman. Tinggalan sejarah seringkali dikaitkan dengan sumber utama untuk menarik perhatian pelancong luar yang berkunjung ke negara kita. Oleh itu, wajarlah identiti negara dipelihara dengan menjaga dan mewarisi tinggalan sejarah itu.

Proses penghasilan sejarah lisan memerlukan satu kaedah yang sistematik bagi memastikan sebuah hasil kajian yang bernilai sejarah dan objektif. Antara proses penting dalam sesebuah kajian sejarah lisan termasuk perancangan awal kajian. Perancangan awal kajian ini merupakan langkah-langkah awal yang perlu diambil sebelum memulakan kajian. Diantara langkah-langkah awal kajian yang perlu dilakukan adalah menentukan tajuk kajian. Bagi menentukan tajuk kajian ini adalah untuk mengenal pasti matlamat yang hendak dicapai oleh pengkaji. Hal ini juga dapat memberi gambaran dan maklumat awal tentang kajian seterusnya dapat membina kerangka kajian. Sebelum memulakan kajian

pengkaji haruslah mengenali lebih mendalam tentang tokoh yang ada. Dengan menyenaraikan tokoh-tokoh yang ada dan mendalami mereka, para pengkaji dapat menentukan tokoh yang diyakini mempunyai maklumat yang tepat berkenaan tajuk kajian yang dijalankan. Selain itu, pengkaji juga harus menyiasat latar belakang tokoh sebelum menjalankan sesi temuramah bagi memudahkan perjalanan kajian yang bakal dijalankan dan pengkaji harus menyatakan hasrat pengkaji kepada tokoh yang dipilih serta tujuan

Langkah kedua yang ialah proses pengumpulan sumber. Proses pengumpulan sumber ini adalah dimana pengkaji wajib mengumpul segala sumber berkenaan kajian seperti mencari artikel dan maklumat tentang kajian di dalam laman sesawang. Bahan-bahan bantuan lain seperti buku, majalah, keratan surat khabar juga boleh dijadikan sumber-sumber rujukan untuk pengkaji. Selain itu, proses pengumpulan sumber ini juga termasuk cara-cara mendapatkan sumber daripada tokoh seperti menggunakan pita suara dengan melakukan rakaman suara. Walau bagaimanapun, ianya juga boleh diaplikasikan didalam sesi wawancara bersama tokoh yang dipilih. Proses yang ketiga ialah proses transkripsi dimana para pengkaji mula memindahkan butir-butir percakapan dalam rakaman kepada bentuk tulisan. Hal ini kerana, ia dapat mengukuhkan lagi kajian dimana bukti tulisan dan rakaman suara wujud. Walau bagaimanapun, proses transkripsi ini mestilah mendapat persetujuan oleh tokoh berkenaan sebelum dilakukan oleh pengkaji. Seterunya ialah Pendokumentasian Sejarah iaitu kritikan sumber dan penulisan hasil kajian dimana tokoh memberikan ulasan tentang kajian yang dilakukan. Pengurusan hasil kajian juga merupakan proses terakhir dimana rakaman disimpan secara "softcopy" dan "hardcopy" di tempat yang selamat dan sesuai. Hal ini kerana pengkaji mahu menghasilkan penerbitan hasil kajian yang mereka telah lakukan dan jika tidak diterbitkan ianya boleh disimpan di tempat penyimpanan hasil kajian sebagai contoh di Arkib Negara.

Sejarah lisan sangat penting kerana ia membantu mengisi kekosongan dalam sumber bertulis, dan ia boleh menjadi sumber maklumat tambahan untuk membantu menyelesaikan kajian yang lebih mendalam. Selain itu, sejarah lisan boleh membantu dalam memahami peranan yang dimainkan orang dalam sejarah, dan juga boleh menjadi sumber emosi yang boleh menyelami pelaku dalam peristiwa yang dialami. Selain itu, sejarah lisan boleh menjadi penting dalam merekodkan dan menyelamatkan tradisi lisan

yang semakin hilang, dan ia boleh menjadi sumber maklumat untuk memahami dan memelihara warisan sesebuah negara (Nadzan Haron, 2012).

Kesimpulannya, sejarah lisan merupakan komunikasi dua hala yang penting dalam menyampaikan maklumat yang bernilai kepada negara. Melalui komunikasi lisan juga kita dapat memastikan yang diberikan adalah tepat dan benar.

3.2 Latar Belakang Kajian

Sukan sepak takraw ialah antara sukan tradisional yang masih dimainkan di negara Malaysia. Sukan sepak takraw ialah permainan antara dua pasukan yang dianggotai oleh tiga orang pemain bagi setiap pasukan dan bertanding di gelanggang yang dipisahkan oleh jaring. Tambahan pula, gelanggang sukan sepak takraw adalah bersaiz sama seperti gelanggang badminton iaitu panjang 13.40 meter dan lebar 6.10 meter. Selain itu pada asalnya, bola takraw diperbuat daripada rotan tetapi pada era kini, ia telah digantikan dengan bola sintetik untuk memastikan ia tahan lebih lama. Seterusnya, permainan sepak takraw yang dimainkan pada hari ini merupakan adaptasi daripada permainan sepak raga dan juga badminton. Sepak raga ialah permainan menimang bola takraw dalam bulatan dengan menggunakan kaki atau kepala dan sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi, sukan ini dimainkan. Permainan ini disebut 'sepak raga' di Malaysia, di Filipina 'sipa', di Burma 'chinline', di Laos 'kator', dan di Thailand dipanggil 'takraw'. Permainan sepak takraw telah dimainkan pada tahun 1940an dengan menggunakan jaring dan mengikut sistem kiraan mata seperti sukan badminton. Undang-undang dan peraturan awal permainan sepak raga jaring telahpun digubal dan disusun secara bertulis pada 15 April 1960 di Kuala Lumpur dan sepak takraw mula dipertandingkan buat pertama kalinya di peringkat antarabangsa pada tahun 1965 di Sukan SEAP (Sukan Semenanjung Asia Tenggara) yang telah diadakan di negara Malaysia.

3.3 Permasalahan Kajian

Seperti yang kita tahu, sukan sepak takraw merupakan sukan tradisional yang kurang diberi tumpuan oleh negara Malaysia kerana pembangunan sukan ini hanya terhad di peringkat domestik dan sukar dipertandingkan di peringkat antarabangsa (Bernama, 2022). Sebagai contoh, sukan sepak takraw tidak tersenarai dalam acara-acara sukan Olimpik kerana tiada 65 negara aktif atau lebih yang bermain sukan ini, seterusnya menyebabkan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) tidak memilih sukan ini untuk dipertandingkan (Kapten Labola, 2021). Ia tidak sama seperti sukan yang lain seperti bola sepak yang amat terkenal di pelosok dunia dan menjadi sukan kegemaran ramai pada zaman ini. Antara penyebab lain mengapa sukan sepak takraw tidak sangat diberi perhatian ialah tahap pencapaian sukan sepak takraw Malaysia semakin menurun dan terdapatnya pencabar baru dari negara lain yang lebih berpotensi tinggi dalam sukan ini (Bernama, 2017). Isu lain yang terlibat dalam kajian ini ialah sukan ini juga jarang dipertandingkan dalam program sukan di institusi pengajian tinggi kerana tiadanya golongan yang mahir dalam sepak takraw untuk menguruskan permainan. Hal ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak terdedah dengan sukan ini. Di sini dapat lihat bahawa terdapat sesetengah kelompok masyarakat hanya mengenali sukan sepak takraw tetapi tidak mengetahui akan teknik-teknik asas yang terlibat dalam permainan ini.

3.4 Objektif Kajian

- Mengkaji latar belakang Abd Talib Ahmad
- Mengkaji sejarah sukan sepak takraw
- Mengenalpasti teknik-teknik dalam permainan sepak takraw

3.5 Persoalan Kajian

- Apakah latar belakang Abd Talib Ahmad?
- Apakah sejarah sukan sepak takraw?
- Apakah teknik-teknik yang terlibat dalam permainan sepak takraw?

3.6 Kepentingan Dan Sumbangan Kajian

Daripada hasil kajian, ia dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kemahiran dalam sukan sepak takraw dengan lebih jelas. Seterusnya, sukan ini tidak akan dilupakan dalam masyarakat Malaysia.

4.0 TINJAUAN LITERATUR

Kebanyakan artikel yang dikaji oleh penyelidik tidak menerangkan dengan jelas teknik-teknik dalam sukan sepak takraw. Selain itu, sukan sepak takraw tidak begitu terkenal dibandingkan dengan sukan bola sepak di negara Malaysia. Hal ini kerana kurangnya kejayaan yang berterusan ditampilkan oleh pemain negara dan seterusnya menyebabkan minat seseorang itu dalam sukan sepak takraw berkurang.

Antara sebab lain yang menyebabkan sukan sepak takraw tidak begitu terkenal dalam negara Malaysia ialah negara kita tidak melayani sepak takraw sama seperti bola sepak. Sebagai contoh, pemain-pemain tidak diberikan kemudahan yang mencukupi seperti gelanggang khas dan ia telah menjejaskan keupayaan pemain untuk kerap berlatih. Sekiranya mereka disediakan dengan kemudahan tersebut, mereka dapat beraksi dengan baik dan dapat bertanding di peringkat yang lebih tinggi, seterusnya menarik minat lebih banyak penaja untuk pasukan tersebut. Tambahan lagi, minat seseorang dalam sukan sepak takraw dapat ditingkatkan lagi. (Michelle Lim, 2017).

Kita perlu memartabatkan sukan sepak takraw kerana ia adalah salah satu sukan tradisional yang telah menaikkan nama Malaysia pada ketika dahulu. Usaha dalam menyemarakkan sukan ini perlu melibatkan banyak pihak seperti pihak kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan serta sokongan orang ramai supaya sukan ini dapat naik ke peringkat yang lebih tinggi. Tidak sepatutnya kita biarkan sukan ini sentiasa berada di peringkat bawah tanpa memberi apa-apa pertolongan. Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan juga memainkan peranan penting dalam menyediakan prasarana dan gelanggang sepak takraw untuk pemain generasi muda supaya mereka lebih terdedah dengan sukan ini (Mohd Nizam Mohamad Yatim, 2020).

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

NYS: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang tokoh, sejarah sukan sepak takraw dan teknik-teknik yang ada di dalam sukan sepak takraw. Bersama-sama kami ialah Encik Abd Talib Ahmad yang merupakan seorang ketua jurulatih skuad sepak takraw negara. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 19 Disember 2022 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 3 petang bertempat di Taman Selaseh Fasa 1. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Afiqah Athira Binti Zulpakar dan juga Nur Yang Syaqrin Binti Marni. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NAA: Assalamualaikum *coach* [jurulatih]. Apa khabar?

ATA: Khabar baik (gelak). Alhamdulillah. Waalaikumsalam.

NAA: Boleh *coach* terangkan tentang latar belakang diri *coach*?

ATA: Okey. Nama saya Abdul [sic, Abd] Talib Bin Ahmad. Saya lahir di Pedas, Rembau, Negeri Sembilan [Malaysia] lah. Pedas, Rembau, Negeri Sembilan. Saya lahir pada tahun sembilan belas tujuh puluh satu [tahun 1971] lah, lapan belas hari bulan tiga 1971 [18 Mac 1971] dan saya membesar di Pedas [Rembau, Negeri Sembilan] lah. Dan sekolah saya di Sekolah Kebangsaan Pedas dan sekolah menengah saya sekolah Dato' Sedia Raja [Kampung Masjid Tanah, Pedas] lah okey. Dan saya selepas habis ini, saya belajar SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], saya masuk Tingkatan enam sekejap selepas itu, masa [semasa] itu tak [tidak] berminat sangat lah untuk nak [hendak] belajar. Bukan takleh [tidak boleh] belajar, boleh belajar tapi saya tak-- apa, cenderung kepada asyik main sahaja kan. Selepas itu, saya ini lah kira saya berhenti Tingkatan enam dan saya terus masuk kerja lah. Kerja pertama saya tahun sembilan belas sembilan puluh [tahun 1990] saya pernah kerja tak lama. Saya pernah kerja dengan di PKNS [Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor] Selangor selama dalam dua bulan [2 bulan]. Selepas itu, tahun sembilan puluh satu, eh tahun sembilan belas sembilan puluh [tahun 1990] saya masuk kerja

dengan Bank-- Bumiputra lah dan selepas itu habis sahaja kerja saya dalam bank, saya habis dalam tahun 2001 lah saya berhenti, saya masuk saya berniaga dan selepas saya dan saya berniaga pun lebih kurang dalam sepuluh tahun [10 tahun] juga. 2011 saya dapat melatih, saya jadi jurulatih [sukan sepak takraw]. Jurulatih Negeri Sembilan 2011-2014 dan akhir sekali ini apa 2015, saya masuk melatih pasukan negara [Malaysia] lah sampai lah 2000 [sic, tahun 2022], dua puluh dua puluh dua [tahun 2022]. Maksudnya di situ ada lapan tahun [8 tahun] saya dengan skuad negara lah. Kalau ikut-ikutkan latar belakang saya yang lain itu, macam saya adik beradik saya ramai. Ada tiga belas orang [13 orang], 2 [dua orang] dah [sudah] meninggal selepas itu, saya anak yang bongsu sekali dalam anak yang ke tiga belas lah okey. Ibu-- saya masih ada lagi. Umur hampir 100 tahun. Bapa saya dah meninggal dunia pada tahun sembilan puluh, sembilan belas sembilan puluh empat [tahun 1994] bapa saya meninggal dunia. Kalau ikut-ikutkan dari segi, saya masuk sikit lah kalau ikutkan dari segi saya sebagai seorang pemain. Saya main [sukan sepak takraw] Malaysia, main negeri lama, lebih kurang dalam sepuluh tahun [10 tahun] dengan Negeri Sembilan. Kalau dengan Malaysia saya dua tahun [2 tahun], dengan Kuala Lumpur [Malaysia] saya selama dua tahun [2 tahun] lah. Itu serba sedikit saya tentang saya sebagai seorang pemain latar-- latar belakang saya lah. Okey. Kalau ikut-ikut kan satu lagi latar belakang saya-- yang sebenarnya saya pun seorang pemain bola [bola sepak] juga. Saya pernah mewakili Negeri Sembilan sekolah-sekolah, Piala Rahman tahun sembilan belas lapan puluh lapan [tahun 1988] tak salah saya lah macam itu lah. Saya dulu ada dua kebolehan lah bola boleh dengan sepak takraw boleh lah. Bila saya mengalami kecederaan saya tak apalah kira maksudnya saya tak, saya lebih kan menyeluruh kepada sepak takraw. Macam itu lah serba sedikit tentang latar belakang saya lah okey. Kalau itu lah kalau ada yang-- bertanya ini tentang latar belakang saya-

(Mencelah)

NAA: -Boleh saya tahu tentang pekerjaan *coach* sekarang dengan sebelumnya?

ATA: Saya 2011 sampai dua puluh dua puluh dua [tahun 2022] saya memang *full-time* [sepenuh masa] sebagai seorang jurulatih lah, memang saya takda [tiada] buat kerja lain lah. Kalau ikut-ikutkan sekarang ini saya baru habis dengan skuad negara pada dua ribu, penghujung dua ribu, (bunyi ketukan meja) dua puluh dua puluh dua [tahun 2022 pada bulan November] ini saya dah habis, saya cuba apa lah untuk menceburi bidang lain tetapi saya tidak tinggalkan saya punya kebolehan daripada segi jurulatih lah. Okey.

NAA: Adakah cita-cita *coach* waktu kecil untuk menjadi jurulatih sepak takraw?

ATA: Dia yang sebenarnya kalau ikut-ikutkan bila saya ini datang daripada macam kampung lah. Macam sebenarnya kalau saya nak cerita kang [sekarang] kita dengar pun ketawa kan. Tapi sebenarnya kalau tanya kan, orang tanya saya “_ _ _ _ *coach*?”. Kalau dulu kalau ikut-ikutkan macam tak ada cita-cita (tokoh dan penemubual gelak). *Priority* [keutamaan] dia macam itu lah. Kita tak boleh nak sembunyi kan pun tapi bila kita berada zaman remaja saya, apa peluang yang ada itu kitaorang [kami] ambil lah. Macam itu lah sebab apa macam dulu dari segi kalau kita nak memilih-memilih ini tak apa sangat. Maksudnya kalau kita dapat kita menjurus ke arah apa yang kita minat itu kita apalah tapi kalau ikutkan cita-cita ada orang itu nak jadi doktor lah *engineer* [jurutera] lah apa-apa semua kita yang sebenarnya saya lebih ke arah mana yang *line* [garisan] saya ambil ha macam itu. Faham eh dia punya apa (gelak).

NAA: Tentang ahli keluarga tadi, ada ahli keluarga *coach* yang menceburi bidang sepak takraw juga seperti *coach*?

ATA: Ada abang saya tapi [tetapi] dia bermain pun sampai ke peringkat sekolah-sekolah sahaja lah. Kira pernah bermain sekolah-sekolah Negeri Sembilan dan itu lah dia-- peringkat yang dia bermain lah abang saya ini kan. Tapi kalau ikutkan macam saya, saya terus ke depan lagi lah.

NAA: Anak-anak *coach* bagaimana?

ATA: Anak saya, dia [anak lelaki] boleh bermain tetapi kalau dari segi bakat itu, saya rasa dia tak lebih ke arah macam nak main negeri ke apa. Mungkin bakat dia sampai main sekolah-sekolah sahaja begitu.

NAA: Main juga?

ATA: Haa (mengiyakan). Main juga. Sebab anak saya ada seorang [1 orang] lelaki dan dua [2 orang] perempuan lah. Kalau ikut-ikutkan yang lelaki itu memang aktif lah. Main bola boleh, main sepak takraw boleh.

(Bunyi selakan kertas)

NAA: Adakah bola takraw, antara bola takraw dengan bola-- sepak yang *coach* ceritakan tadi-

(Mencelah)

ATA: -Hmm-- (mengiyakan).

NAA: Adakah dua-dua minat *coach*? Apakah minat *coach* pada mulanya?

ATA: Dia sekarang ini kalau ikut-ikutkan macam saya dulu ada buat dua pilihan lah. Maksud dia macam kerjaya saya ini, saya tentukan selepas saya sekolah lah. Maksudnya saya main [minat] dua-dua-- apa sukan ini sepak takraw dengan bola sepak tetapi selepas saya habis sekolah, saya buat keputusan mana yang saya nak ambil lah. Macam itu lah. Maksud dia, saya tak buat keputusan awal lah. Maksud dia macam, saya nak ambil yang mana, haa macam itu. Kalau selalunya paling baik sekali, masa umur lima belas tahun [15 tahun] lah. Kita dah-- fokus ke apa kan. Tapi

saya buat keputusan itu nak katakan lewat sangat pun tidak lah. Kadang-kadang kita nak tengok juga lah peluang mana yang terbaik lah. Macam itu.

NAA: Bilakah *coach* menceburi dalam bidang sepak takraw?

ATA: Saya dalam sepak takraw ini kalau ikut-ikutkan, saya umur dua belas tahun [12 tahun]. Sama juga dengan kalau ikutkan dalam bola ini, macam bola ini kita, bila kita bermain, kita kat [dekat] padang yang kecil pun apa semua kita dah boleh main kan. Macam sepak takraw ini mesti ada *court* [gelanggang] yang khas apa semua-semua sebab itu saya bermain. Kalau bola awal lagi daripada kecil lagi dah-- mula sepak-sepak bola. Macam sepak takraw ini, umur dua belas tahun, saya baru apa lah berkecimpung dalam sepak-- takraw lah.

NAA: Sebab apa minat, *coach* boleh minat dalam bidang sepak, bola sepak?

ATA: Dia kalau ikutkan daripada guru dalam sekolah ini, dia akan suruh kita bermain tak kisah sukan apa pun, janji kita-- Dia [sekolah] takda pengkhususan daripada segi macam “kau kena main ini” apa semua. Tapi macam saya ini, saya memang minat sukan. Bila saya minat sukan, saya main lah apa yang saya rasa apa. Masa itu kita, mana kita fikir yang kita nak jadi *coach* kan. Macam itu lah dia punya apa itu. Di peringkat umur kita, bawah dua belas [12 tahun], bawah lapan belas [18 tahun], masa itu kita tak terfikir yang kita nak jadi *coach* haa macam itu. Selepas umur lapan belas tahun, baru lah kita nak mengarah kan kita punya kebolehan kita itu di-- mana lah kan yang bersesuaian tentang diri kita lah.

NAA: Sebelum menjadi jurulatih, apakah [sic, adakah] *coach* pernah memenangi apa-apa pertandingan sepak takraw?

ATA: Sebelum saya jadi jurulatih, kalau ikut-ikutkan yang sebelum ini ada kejohanan Perilly's lah dulu. Sekarang ini STL [Sepak Takraw League] macam dulu Perilly's. Saya alhamdulillah lah banyak juga lah kejohanan yang Super Series macam liga

satu kira yang dekat macam dulu pertandingan itu ada pergi ke negeri-negeri kan. Pindah sana pindah sini apa semua-semua di -- Namanya Perilly's lah-

(Mencelah)

NAA: -Perilly's?

ATA: Haa (mengiyakan) Perilly's. Perilly's itu kejohanan yang ditaja oleh rokok lah kan. Dulu boleh rokok selepas itu dah tak boleh lagi dah kan. Masa itu kalau berapa _ _ _ _ itu ada yang saya menang. Saya ada *post* [hantar] kan gambar, nampak pada situ kan yang me- menang masa pertandingan itu lah.

NAA: Adakah terdapat kursus-kur-, kursus-kursus yang *coach* sertai untuk menjadi pemain takraw yang lebih bagus?

ATA: Dia kalau ikutkan sebagai pemain, dia takda macam kita menghadiri, zaman saya takda menghadiri macam kursus-kursus. Tetapi kita lebih kepada berlatih minta tunjuk ajar daripada peringkat abang-abang kita. Kita mencari lebih kepada arah macam itu. Kita takda macam apa, lebih kepada kita -- Masa itu kita ada *coach*. *Coach* kita pun bagi penerangan kita nak main macam ini, macam ini, macam ini. Haa macam itu lah. Sama juga macam saya cakap kan tadi. Beza dia, saya sekarang ini saya dah jadi *coach*. Bukan pemain lagi dah. Sama lah. Kira rutin-- dia itu lebih kurang sama lah dia punya apa itu tetapi zaman sekarang ini dia dah berbeza, cara bermain yang berbeza, cara banyak lah. Kira apa, sesuatu yang -- Dulu dan sekarang ini amat ketara dari segi perbezaan permainan tadi itu lah.

NAA: Boleh *coach* ceritakan, bilakah bermula khidmat sebagai jurulatih sepak takraw pada awalnya?

ATA: Saya mula jadi jurulatih pada tahun 2011 itu lah. Saya 2011 itu, saya jadi jurulatih. Masa itu saya bawa *team* [pasukan] Negeri Sembilan, SUKMA [Sukan Malaysia]

Negeri Sembilan lah kan. Itu saya bermula daripada situ lah. Di Negeri Sembilan masa itu, saya berulang daripada Kuala Lumpur ke Negeri Sembilan lah. Boleh tahan juga lah. Hari-hari letih juga lah masa apa itu tetapi dalam sukan ini kena banyak pengorbanan lah daripada apa itu ada yang saya cerita tadi itu, 2011-2014, saya __ __ __ Negeri Sembilan dan 2015-2022, saya jadi jurulatih Malaysia lah.

NAA: Apa nama la-, tempat latihan pertama yang *coach* selalu pergi untuk melatih pasukan Negeri Sembilan?

ATA: Saya dulu kalau melatih skuad Negeri Sembilan di gelanggang Paroi [Seremban, Negeri Sembilan] ya. Gelanggang serbaguna Paroi itu lah yang berdekatan dengan stadium bola sepak Negeri Sembilan itu lah. Dia [gelanggang serbaguna Paroi] bersebelahan lah.

NAA: Boleh saya tahu pangkat tertinggi *coach* sebagai jurulatih?

ATA: Saya kalau pangkat tertinggi saya (sambil memikirkan sesuatu) pada 2015 sampai dua puluh dua puluh dua [tahun 2022] ini yang sebenarnya saya adalah ketua jurulatih negara memang kira yang tertinggi lah dalam negara. Ketua jurulatih ini kira yang tertinggi lah dalam sepak takraw negara lah. Selepas itu, dua tahun [2 tahun]-- ke belakang ini, saya bila saya dah dapat pi- dalam tiga tahun [3 tahun] lah haa tiga tahun. Saya dah kena jaga banyak *team* dan menyeluruh. Saya dah dilantik sebagai pengarah teknikal lah. Jadi pengarah teknikal ini kira saya, dulu saya banyak jaga pasukan lelaki sahaja. Selepas itu, (bunyi selakan kertas) bila saya jadi pengarah teknikal, saya kena jaga lelaki perempuan. Kadang-kadang kena pergi sekolah-sekolah apa semua-semua lah. Maknanya, skop itu lagi-- besar lah.

NAA: Bagaimana *coach* boleh terpilih menjadi ketua jurulatih? Adakah ada terdapat syarat-syarat-

(Mencelah)

ATA: -Okey.

NAA: Yang disediakan?

ATA: Semasa dua ribu [tahun 2000] -- Saya cerita ini masa saya, macam mana saya dapat jadi jurulatih Malaysia lah ya. Macam jurulatih negeri itu, diaorang [Negeri Sembilan] *offer* [menawarkan] saya lah daripada segi apa itu. Macam bila Malaysia ini, dia agak ketat sikit. Masa itu, saya ingat lagi, ada dua-- puluh dua [22 orang] jurulatih yang memohon untuk menjadi jurulatih negara lah. Kita kena panggil *interview* [temuduga] macam *interview* itu ada enam orang [6 orang] panel. Enam orang panel itu Profesor pun ada kat situ daripada universiti lah daripada apa daripada MSN [Majlis Sukan Negara], ISN [Institut Sukan Negara] dengan persatuan [Persatuan Sepaktakraw Malaysia]. Ada enam orang, dia *interview*. Masa itu, kita kena *present* [membentangkan] lah apa macam sekarang macam awak itu lah. Macam saya, saya kena buat saya punya kertas kerja. Selepas itu, saya kena *present* lah. Bila saya *present* itu, mula-mula itu agak-agak terkejut juga lah tengok-tengok saya terpilih untuk jadi ketua jurulatih negara lah kan (gelak) sebab -- Haa macam itu lah dia punya memori apa memori-memori indah lah maksud dia macam kita mencuba. Itu yang saya kata tadi itu, bila kita-- tak tahu kita punya kebolehan itu diiktiraf oleh macam panel-panel yang saya kata tadi itu lah. Bukannya orang yang di dalam bidang sukan yang agak tinggi lah, macam Profesor daripada jurusan universiti-universiti yang sains sukan apa itu semua-semua. Haa macam itu lah.

NAA: Ramai ke sertai, yang menyertai-

(Mencelah)

ATA: -Dekat dua puluh dua orang lah.

NAA: Temubual itu?

NAA: Kalau *coach* ingat siapa yang melantik *coach* sebagai ketua jurulatih negara?

ATA: Dia persatuan lah.

NAA: Persatuan?

ATA: Haa (mengangguk). Persatuan Sepaktakraw Malaysia. Maksudnya, yang pilihan tadi itu panel pemilihan.

NAA: Selain itu, ada kursus-kursus yang *coach* perlu sertai?

ATA: Okey. Dia kalau ikutkan sama juga macam saya sijil yang saya dah *post* kan itu. Bila kita nak menjadi jurulatih ini, dia ada peringkat-peringkat dia lah. *Level* [peringkat] dia kalau katakan lah kita ada Sains Sukan 1, Sukan 2, Sukan 3 kan, maksud dia itu macam saya, saya dah habiskan saya punya sijil itu. Semuanya dah kira maksudnya dah takda dah yang tertinggi lagi dah dalam negara lah. 1,2,3 itu dah kira saya dah sele- selesai kan lah. Maksudnya, sijil tahap satu [tahap 1], tahap dua [tahap 2], tahap tiga [tahap 3] (bunyi selakan kertas) maksudnya yang itu Sains Sukan. Selepas itu, dia ada kalau ikut-ikutkan sijil semua ada enam. Tapi kalau ikutkan macam Sains Sukan mesti ada tiga yang untuk spesifik sepak takraw [Kursus Kejurulatihan Sepaktakraw] sahaja mesti ada tiga. Semuanya ada enam lah tahap satu, tahap dua, tahap tiga ha.

NAA: Kursus itu *coach* sertai sebelum jadi jurulatih atau semasa jadi jurulatih?

ATA: Sebelum jadi jurulatih dah ada tapi bila kita jadi jurulatih Malaysia ini, kita kena ambil yang peringkat yang tertinggi lah. Macam nombor tiga kursus nombor tiga kan. Macam itu lah tapi benda itu dia seiring lah, tak-- lah, tak berapa lama lah macam itu.

NAA: Adakah kursus kejuru- kejurulatihan ini membawa prestasi yang baik kepada *coach* dan pasukan negara Malaysia?

ATA: Dia kursus ini yang sebenarnya satu kita, satu benda yang bagus lah. Maksud dia itu, kita punya tapak kita macam mana kita nak apa tetapi kalau bagi saya pula, bila kita kalau-- kita sekadar ada sijil sahaja, kalau kata tak *implement* [melaksana] kan benda itu pun payah juga lah. Sebab apa, dia sebenarnya, bila kita jalankan benda itu, kita akan-- dapat benda yang betul, benda yang *error* [salah]. Yang mana yang error itu kita kena betul kan lah. Maksud dia dekat sini ini, dia setiap seseorang itu dia ada kelebihan dan kekurangan dia. Tak kisah lah kalau kita punya pencapaian tinggi ke apa ke apa semua, dia mesti ada kelebihan dan ada kekurangan dia. Yang kekurangan dia itu yang nak perlu kita perbetulkan ha. Sebab itu kadang-kadang saya nasihat saya pada sesiapa yang sebelum, yang akan datang siapa nak jadi jurulatih, bila dilantik sahaja sebagai seorang jurulatih, kita sentiasa mahu belajar. Walaupun kita di peringkat tertinggi ke, tak boleh, dia istilah dia, takda *full stop* [noktah] tentang belajar ini. Dia akan takkan [tidak akan] habis ha macam itu. Ilmu itu makin lama makin berubah macam satu contoh saya bagi tahu zaman sekarang ini, dulu kalau kita tengok kita tak tahu *speed* [kelajuan] bola itu berapa tapi sekarang ini orang dah tahu *speed* bola itu berapa, berapa kelajuan apa itu semua-semua. Besok makin lama makin orang lagi *advance* [terlebih dahulu] menggunakan teknologi macam-- sekarang ini awak *interview* gunakan video lah nah apa-- apa ini macam saya bekerja dengan orang yang tinggi dalam bidang sains sukan haa macam itu. Sebab itu daripada segi teknologi ini apa semua-semua ini, kalau apa ini diaorang [mereka] cepat dapat maklumat ha macam itu. Itu penting sebab itu walaupun saya berada di era yang kiranya penggunaan dari segi *laptop* [komputer riba] penggunaan dari segi teknologi IT [*Information Technology*, Teknologi Maklumat] ini kurang tetapi saya kena belajar lah supaya makin lama makin canggih lah macam diaorang yang macam analisis saya yang ada sekarang ini macam sebelum ini, diaorang pun belajar bukannya apa dekat UK [United Kingdom] dekat apa ambil Master [Ijazah Sarjana] kat sana apa semua-semua kan tapi diaorang itu -- Kita pula kena ba- bagi arahan apa yang kita nak. Kalau kita nak bagi kan arahan kat orang, kita kena ini lah, kita

kena faham lah tentang konsep apa yang kita nak buat. Haa macam itu lah maksud saya. Okey.

NAA: Dia [kursus kejurulatihan] membawa perkara yang baik kepada negara?

ATA: Ya memang lah (mengangguk). Maksud dia, maksud saya itu sentiasa macam kita mahu-- belajar. Macam contoh awak rasa macam ini, macam contoh lah awak gunakan ini masuk-masuk, *record-record* [rakam-rakam] semua-semua ini kan, satu hari besok dah kiranya macam ibarat nya macam saya, diaorang dah pergi ke arah, bila saya cakap sahaja, haa diaorang dah bentuk apa yang diaorang nak buat. Haa dia macam itu lah dia punya tahap dia itu haa.

NAA: Ketika *coach* jadi jurulatih-

(Mencelah)

ATA: -Hmm (mengiyakan).

NAA: Boleh *coach* senaraikan pertandingan yang Malaysia sertai?

ATA: Dia sekarang ini sebab banyak sebab saya tak boleh nak, kiranya macam sebut saya sebut kejohanan itu. Kejohanan ini boleh dikatakan macam awak boleh *tick* [tanda] kat situ SEA Games [Southeast Asian Games, Sukan Asia Tenggara]. Macam Sea Games ini dua tahun sekali ada okey eh. Bila SEA Games saya 2015, SEA Games di Singapore [Singapura]. Selepas itu 2017, SEA Games di Malaysia. 2019 SEA Games di Filipina dan *last* [akhir] sekali hari itu, 2022 SEA Games di (bunyi kerusi digerakkan) Vietnam itu SEA Games. Kalau ikutkan Asia Games [Asian Games, Sukan Asia], macam kejohanan tertinggi takraw ini sepak takraw ini dia yang tertinggi adalah Asia Games lah. Asia Games saya sekali sahaja [tahun 2018] di Palembang [Indonesia] lah dan kejohanan yang selalu pergi macam Piala Raja Thai [King's Cup]. Piala Raja Thai ini boleh dikatakan tiap-tiap tahun lah kan. Okey kalau

ikut-ikutkan banyak lah dia punya apa setiap kejohanan itu banyak lah maksudnya memang saya ikuti. Kalau awak nak *detail* [mendalam] kan dia punya apa itu memang apa lah.

NAA: Sekira- sekiranya *coach* masih ingat apa pencapaian pertama *coach* sebagai ketua jurulatih negara?

ATA: Saya kejohanan yang besar macam sepak takraw ini orang akan fikir bila kira dapat mengalahkan Thailand lah. Kita ini *world number two* [nombor dua dunia]. *World* [Dunia] tak-, sepak takraw ini *world number two*. *World number one* [nombor satu dunia] Thailand lah. Okey. Semasa saya masuk pada tahun 2015, saya pernah mengalahkan Thailand lah di ISTAF [International Sepaktakraw Federation, Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa] SuperSeries Melaka dan pada tahun 2015, SEA Games saya dapat emas. 2017 di SEA Games Malaysia saya dapat dua emas. 2018 itu yang paling besar lah kejohanan yang di Palembang itu. Kira satu sejarah yang besar lah dalam negara selepas dua puluh empat tahun [24 tahun] kita tidak memenangi emas di apa di Sukan Asia. Kita dapat pingat emas lah di Sukan Asia itu selepas-- dua puluh empat tahun. Haa itu yang paling besar lah.

NAA: Bagaimana perasaan *coach* selepas memenangi emas Piala Asia, Asia Games?

ATA: Saya satu terharu lah masa itu. Kalau kita tengok dalam *Youtube* [laman web perkongsian video], tengok dalam apa kan memang masa itu memang *trending* [sohor kini] lah. Saya pun dengan-- kesedihan apa semua-semua tangisan gembira lah pada 2018 itu lah. Macam orang tengok *Youtube* pun sampai tiga *point* [perpuluhan] berapa juta orang tengok kan. Tapi bila saya dimaklumkan oleh Astro [All-Asian Satellite Television and Radio Operator], mula-mula itu saya agak terkejut juga lah (gelak) rupanya yang saya semasa pertandingan di Palembang itu di TV [televisyen] di Malaysia, orang buka sebab diaorang ini *rating* [kadar kepopularan sesuatu rancangan radio atau TV yang diukur berdasarkan jumlah pendengar, penonton] ini diaorang [kakitangan Astro] tahu tiga *point* lapan juta

orang [3.8 juta orang] tengok *view* [lihat] dalam TV. Masa balik itu saya pun rasa macam eh dah mula lah orang kenal. Kadang-kadang itu kita pun terkejut juga lah macam kita dah jadi macam-- kita isi minyak orang nak tangkap gambar dengan kita, orang dah mula kenal kita lah. “Oi *coach, coach, coach.*” Haa macam itu, macam saya pergi ke Cameron Highlands [Pahang, Malaysia] contoh, saya pergi Cameron Highlands itu macam “eh haa *coach* nak tangkap gambar *coach.* Tahniah kita menang apa semua.” Siap dia bagi bantal apa ini strawberi lah (tokoh dan penemubual gelak) apa lah macam itu lah, maksudnya kita macam tapi saya tak leka macam itu pasal [tentang] segi pujian orang, kira pandangan orang (bunyi ketukan meja) itu apa lah, maksudnya sebagai satu semangat pada kita lah kan. Macam itu lah kira pencapaian saya. Dah kalau dalam takraw, saya rasa bila dapat Sukan Asia ini besar (gelak) macam itu lah kan macam itu lah, tapi saya macam itu sahaja. Takda lah apa, macam sentiasa mahu belajar macam itu lah macam-- saya cakap tadi.

NAA: Selama berapa tahun Malaysia tidak memenangi Sukan Asia?

ATA: Dua puluh empat tahun tadi.

NAA: Dua puluh empat tahun?

ATA: Haa (mengangguk).

NAA: Bagaimana negara Malaysia boleh sangat bersemangat untuk mengalahkan Indonesia pada Sukan Asia 2018?

ATA: Dia sebenarnya bila kita ini jadi seorang jurulatih, kita kena tahu apa yang kita buat itu penting. Apa macam contoh, macam kita belajar juga kita kena tahu apa yang kita buat apa yang kita nak. Macam saya bila saya tahu saya punya pemain ini, salah satu dia punya kelemahan daripada segi *strength* [kekuatan] mental contoh dia punya ketahanan diaorang punya mental itu agak bukanlah takda tapi tak berapa *solid* [padu] sangat. Saya ubah saya punya *planning* [rancangan] itu, saya sebelum Sukan

Asia itu, saya pergi ke Kem Komando bawa pemain-pemain ini. Di situ itu saya mencorak lah diaorang punya -- Saya terima kasih kepada *team* Komando Jugra [Banting, Selangor]. Dia bukan nya komando yang macam alah kalau ikut-ikutkan apa yang dia buat pada pemain saya ini suku sahaja lah *lot* [jumlah] dia. Kalau *lot* yang betul-betul itu, tak terdaya nya. Orang normal tak terdaya lah kan. Macam kem komando ini dia, *lot* dia memang kuat lah dari segi *toture* [penyiksaan] mental dia apa semua. Kalau bagi saya, suku sahaja lah dia punya yang-- diterap. Itu pun budak-budak pun belum, tak boleh tahan lah macam itu lah maksud saya itu kan tapi *impact* [kesan] dia besar lah. Maksud dia, diaorang bila dia hampir kalah, diaorang boleh *comeback* [bangkit semula] haa itu dia punya *element-element* [unsur-unsur] untuk dalam diri diaorang itu saya dah terap daripada awal.

NAA: Adakah Kem Komando itu memang diaorang [pemain-pemain] akan sertai setiap tahun?

ATA: Dia tengok situasi. Dia maksud dia, macam contoh kita tak -- Itulah pentingnya yang saya cerita belajar, kita kreativiti kita sebab apa kalau katakan macam awak sendiri lah kalau awak pergi ke tempat itu dua kali benda yang sama, dia akan jadi benda yang alamak, faham tak? Kita kena cari benda yang baru untuk nak kita lagi apa lah. Tapi kita tahu kalau budak yang baru, kita tapi saya dapat budak yang *fresh* [baru] saya boleh masuk kadang-kadang kebanyakan yang ada dalam skuad saya ini banyak juga senior yang dah pernah pergi. Bila dah pernah pergi, kita kena cari alternatif lain dah lah haa macam itu dia punya apa.

NAA: Apakah kenangan pahit ketika mengetuai skuad sepak takraw negara?

ATA: Saya semasa kenangan pahit yang pengajaran bagi saya dalam sukan sepak takraw ini, dia sebenarnya membabitkan mentaliti seseorang pemain itu sendiri lah. Macam-macam yang perlu kita ubah. Kenangan pahit saya masa kejohanan di Korea, saya masih baru lagi lah dalam tahun 2015 tak salah saya masa itu. Pemain saya masa itu dia agak tertekan. Punca dia tertekan, dia sebenarnya kalau ikut-ikutkan dalam musuh

kita bersukan ini alaf sekarang ini daripada kalau tanya saya adalah *handphone* [telefon]. *Handphone* ini kalau kita buat cara yang betul, jalan yang betul, dia [telefon] adalah memberi faedah kepada kita. Baik bagus memang saya tidak nafikan memang bagus. Kita nak telefon orang senang, nak baca maklumat senang apa semua-semua. Tetapi bila dia [pemain] baca daripada segi komen-komen orang apa semua-semua kan, bila kami-- kalah dengan Singapore masa kejohanan di Singapore itu, saya punya pemain ini masa itu ada di Ko- di Korea, diaorang ini menangis sebab diaorang kena kutuk dalam *handphone* ini. Kiranya dia [pemain] baca sahaja itu, dia menangis. Maksudnya saya nak kembalikan itu pahit lah. Maksudnya dia itu saya nak *comeback* kan balik tetapi Alhamdulillah selepas itu kita kejohanan ben- yang sama juga kita bertemu balik di se-se- separuh akhir kita dapat kalahkan balik macam Singapore itu lah. Dia pengajaran dia dekat sini ini yang pahit bagi sayai ini, semenjak pada hari itu, setiap daripada pergi kejohanan, saya dah tak benar lagi dah pemain saya setiap malam saya akan ambil *handphone*. Tak boleh sebab apa dunia sekarang ini, yang ini dia [telefon] boleh membuatkan kalau dulu lah, orang keluar buat yang mana yang tak berdisiplin keluar lah, apa semua-semua, dia [sukan sepak takraw] boleh keluar peluh tetapi *handphone* ini, dia meletihkan mata dan memetihkan minda. Minda dia ada *impact* dalam kita punya permainan sebab itu kita kena, itu orang bila orang tanya saya “macam mana *coach* apa ini” ha saya senang sahaja, bila *time* [masa] perlawanan sahaja malam, saya ambil *handphone*, kau *star* [bintang] ke, kau *number one* [nombor satu] ke, tak kira lah sesiapa pun. Jan- saya punya apa macam itu tapi alhamdulillah lah kalau pemain itu saya takyah [tidak payah] cakap pun diaorang dah tahu lah macam itu lah kan. Bila jejak sahaja kaki bumi kaki di bumi negara mana-mana pun, diaorang tahu dah malam-malam sahaja haa dia ba- dia kumpulkan *handphone* apa semua-semua, dia serah kat saya macam itu lah.

NAA: Macam mana dengan pemain muda yang baru bersama dengan *coach*, diaorang punya, adakah diaorang terima apa yang syarat-syarat yang *coach* telah lakukan?

ATA: Dia kalau mudah sahaja, kalau dia taknak [tidak hendak] terima, dia dah ingkar arahan lah sebab saya, kita sebagai *coach*, kita kena berpendirian, bila kita dah buat itu, diaorang kena ikut lah. Kalau taknak, kalau sebenarnya dari apa pun, dia ada hak dah akur janji dah, dia dah-- ikut dah macam itu lah. Kalau dia melawan maknanya dia tak berminat dalam skuad-- negara lah. Saya berhak nak keluar kan dia lah. Macam itu lah sebab disiplin tetap disiplin ha macam itu lah. Kalau kita nak berjaya ini, kita kena ada kita punya apa lah tapi saya tak lah berapa keras. Saya takda jenis yang macam saya boleh buat berunding, boleh apa tetapi kena akur lah maksud dia kalau contoh abang-abang senior dia boleh-- pegang *handphone*, takkan junior tak boleh kot (gelak)-

(Mencelah)

NAA: -Ya betul.

ATA: Ha betul? Macam awak senior awak lah baru belajar, dia mesti dia kata mestilah diaorang orientasi sikit betul tak, ha macam itu lah. Okey?

NAA: *Coach*-- kata *coach* telah tamat tem- tamat sebagai jurulatih dan apa yang *coach* lakukan selepas menamatkan perkhidmatan sebagai jurulatih sepak takraw negara?

ATA: Saya kalau ikut-ikutkan saya tamat ini baru-- Hari ini bila? Hari ini--

(Mencelah)

NAA: -Sembilan belas.

ATA: Sembilan belas hari bulan [19 December 2022]. Saya baru tamat ini baru sembilan belas hari [19 hari] dalam skuad negara ini. Okey sebelum ini memang saya dah lebih menceburi dalam bidang pertanian. Saya cuba lah ke arah itu dan untuk sukan sepak takraw ini kita minat. Saya insya-Allah saya tak tinggalkan sepak takraw tapi

bagi saya berehat dulu dalam masa saya tak pasti lah. Tengok daripada keadaan mungkin enam bulan [6 bulan] mungkin setahun [1 tahun] kan. Tengok keadaan lah selepas itu, baru saya insya-Allah saya *comeback* [muncul semula] balik lah. Paling pentingkan keadaan.

NYS: Okey. Boleh *coach* ceritakan tentang sejarah sukan sepak takraw?

ATA: Dia [sukan sepak takraw] ini -- Kita dari segi bulatan ini banyak lah kalau kita duduk _____ pelajar dekat sekolah-sekolah, Sultan Mahmud lah _____ macam itulah ada permainan timbang-- bola pakai bola-- rotan apa semua-semua lah, tapi masa itu zaman itu mana ada orang *record* bila tarikh dia apa semua-semua lah kan. Macam sekarang ini kalau ikut negara ini yang *claim* [tuntut] sepak takraw ini takraw, sepak takraw ini asal dari mana itu banyak negara lah. Macam setahu saya ini macam Thailand, Myanmar--, macam Laos ke kan yang *claim* yang kata sebenarnya sepak takraw ini datang daripada negara diaorang. Tapi itu kita tak dapat nak sahkan dimana lah sebab apa macam contoh kalau ikutkan sejarah dalam Islam macam Islam datang daripada China kat Malaysia ini pun ada datang daripada China kan. Zaman Hang Li Po dulu lah apa semua-semua lah. Kalau tanya saya lah daripada segi apa. Tetapi macam China ini kan yang main bulu ayam [bulu tangkis] itu kan. Itu boleh di dalam kategori timbang bola juga. Kita tak tahu mana dia punya apa lah. Tetapi kalau dinamakan sepak takraw dia sebenarnya, saya bagi pemahaman sikit lah, sepak ini dia asal nama Malaysia, takraw ini Thailand. Selepas itu diaorang ambil persetujuan tahun berapa itu awak kena *Google* lah dalam apa _____ dalam awak kena *Google*, baru awak dapat jawapan yang tepat lah bila tahun berapa. Selepas itu, dia dapat kan itu dipanggil sepak takraw. Takraw itu yang sebenarnya dipanggil [digelar] dalam Thailand itu, dia [sepak takraw] jaring untuk nak ambil buah itu macam raga macam itulah yang itu dipanggil takraw dekat Thailand. Itu yang dipanggil sepak takraw lah. Sepak Malaysia, takraw Thailand. Selepas itu dirapatkan [sepak takraw] apa. Dah lah Myanmar tak berpuas hati sebab nama dia tak ada dalam itu apa semua. Tapi diaorang [persatuan sepak takraw] dah buat keputusan panggil sepak takraw lah. Dia sebenarnya

permainan jaring sepak takraw dia pakai jaring. Awak kena faham eh, takut -- Bola rotan itu boleh timbang secara bulat tanpa jaring. Yang jaring ini asalnya daripada Malaysia, tahun 1960 berapa eh macam itulah nanti awak *Google* lah dia punya apa [tahun diperkenalkan] di Penang [Malaysia], dengan nama pengasas dia [sepak takraw] pun ada dalam *Google* nanti lah. itulah dia punya serba sedikit (bunyi selakan kertas) tentang sejarah sepak takraw ini lah yang dimainkan.

NYS: Bagaimana pula sepak takraw boleh datang dibawa masuk untuk bermain di Malaysia?

ATA: Dia [sepak takraw] dibawa masuk bermain di dalam Malaysia ini sebab saya rasa soalan itu perlu diubah sebab bukan dibawa masuk, kita yang memperkenalkan sukan itu. Maksud dia, kita yang mula-mula lah yang ciptakan sukan itu yang permainan jaring yang saya cakap tadi itu. Itu dia punya apa lah. Itu yang saya kata tadi itu. Nanti awak *Google* awak akan tengok tahun sembilan berapa itu. Itulah yang memulakan sukan sepak takraw di Penang dan diaorang [mereka] panggil dari negara Singapore [Singapura], daripada Thailand untuk kira macam *test* [menguji] permainan sepak takraw dan terus dibawa ke sukan SEAP, dulu tak panggil Sea Games, dia panggil S-E-A-P.

NAA: Apa maksud SEAP?

ATA: Nanti awak *Google* (gelak).

NYS: Sebab -- Boleh *coach* ceritakan serba sedikit lah sebab sepak takraw ini dimainkan di Malaysia. Adakah disebabkan kerjasama diantara dua negara Malaysia dan Thailand ataupun hobi?

ATA: Dia macam ASEAN [Association of Southeast Asian Nations, Persatuan Negara-negara Asia Tenggara] bila dia nak memperkenalkan ASEAN ini untuk dapat sokongan daripada ASEAN ini jadi satu sokongan yang baiklah. Maksud dia itu,

bila kita dah perkenalkan panggil negara-negara ini. Diaorang [mereka] boleh main apa semua, benda itu secara tak langsung dia akan berkembang ke Asia Tenggara. Dia [sepak takraw] berkembang dulu pada Asia Tenggara, sebab kalau ikut-ikutkan yang Asia Tenggara ini yang paling popular macam Malaysia, Thailand, Singapore, Vietnam. Masa itu Vietnam pun saya rasa masih kurang lagi kan yang masuk tiga negara [Malaysia, Thailand, Singapore] yang-- main.

NYS: Bagaimana sukan sepak takraw-- ini boleh dipertandingkan hingga peringkat antarabangsa?

ATA: Okey. Bila kita ini bila kita dah perkenalkan sesuatu sukan ini, dia persatuan itu penting persatuan sepak takraw ini penting, ataupun Thailand, negara-negara ini, dia akan bawa permainan ini ke luar negara lah. Maksud dia macam negara yang tak ada lagi persatuan ataupun memperkenalkan lah, kiranya tugas-tugas negara ini memperkenalkan sukan sepak takraw ini. Macam sekarang ini punya, tak salah saya lah, tapi dia lebih sikit, tak salah saya yang dah main sepak takraw ini ada tiga puluh lima ke tiga puluh tujuh [terdiri daripada negara-negara di Asia Tenggara, Asia Selatan, Amerika, Eropah dan Asia Timur] macam itu. Lebih kurangnya, itu saya nak katakan ketepatan [negara yang bermain sepak takraw] itu saya tak berani, tapi lebih kurang ramainya kira negara-negara yang dah pernah main sepak takraw. Mungkin masuk dalam kejohanan, kalau kita pergi kejohanan King's Cup [Piala Raja Thailand], lebih kurang tiga puluh lima, tiga puluh tujuh negara yang hantar *team* apa sepak takraw.

NAA: Kebanyakannya terdiri daripada negara Asia?

ATA: Dia kebanyakannya Asia, dalam yang paling banyak tadi Asia Tenggara lah, kalau Asia ini, India, Jepun, banyak lah, Korea ramailah kira dalam apa itu tetapi Eropah pun banyak main juga. Macam Jerman Australia, Perancis, banyak lah. Sepak takraw ini dia dah meluas dia dah besar lah tetapi dia punya permainan itu masih di

tahap *level* yang tak seberapa tinggi lah macam itulah, tak sama macam di Asia Tenggara dan Asia.

NYS: Adakah teknik permainan Asia Tenggara dan Asia itu sama ataupun berbeza setiap negara?

ATA: Dia yang sebenarnya takraw ini dia punya daripada segi yang penting dia daripada segi selarasnya permainan itu dari peringkat bawah sampai peringkat atas. Sebabnya, bila kita nak menjadi pemain sepak takraw ini, kita kena melalui ini lah perjalanan itulah, maksudnya latihan darjah empat macam ini, latihan umur dua belas tahun macamni, lima belas tahun macamni, lapan belas tahun macam ini. Maknanya sudah peringkat yang tertinggi. Kalau kita bila kita dah besar baru kita nak main sepak takraw, kita takkan dapat seorang jadi seorang pemain yang baik lah macam itu. Maksud dia itu, sebab itu bila beza Asia dengan Eropah ini, macam Asia ini kebanyakan pemain dia dah bermain sejak kecil. Macam saya cakap tadi, umur saya saya dua belas tahun saya dah main. Mungkin diaorang [pemain] yang dekat Eropah itu, kebanyakan nya bermain semasa umur diaorang itu dah dewasa sudah payah sikitlah. Macam orang kampung cakap dah jadi buluh itu payah sikitlah. Sebab itu diaorang punya sebab kemungkinan diaorang macam Eropah diaorang banyak tumpukan kepada sukan-sukan yang lebih besar macam bola, tenis dia lebih ke arah macamtu, macam takraw ini baru diperkenalkan dengan diaorang. Tapi tak mustahil satu hari nanti kalau mereka dah bagi komitmen, *full commitment* [komitmen tinggi] dekat situ, macam sukan-sukan lain. Macam dulu [dahulu], kita, bola, Asia nombor-- berapa, nombor dua kita kalah dengan Korea. Dulu kita dapat kalahkan Morocco, sekarang ini Morocco kat mana, sekarang ini Morocco dah nombor empat dunia dah. Itu saya kata tadi itu, kita sentiasa mahu belajar kita kena apa eh, kena *push* [paksa] diri kita nak pergi lagi jauh lah.

NYS: Kiranya untuk menjadi seorang pemain yang terkenal mesti ada minat dari kecil lah?

ATA: Haa (mengangguk), kena ada minat. Maksudnya, dia kena ada macam asas itu penting maksud dia macam contoh dia nak bermain dalam, kita nak timbang bola macam kita kata kita timbang bola dalam sepak takraw, mesti daripada bawah dulu, mana kita nak pilih pemain itu nak mewakili negara kalau dia timbang bola pun tak boleh, tak boleh [tak dapat timbang bola dengan betul] macamtu maksud saya itu. Di peringkat kita kena ikut *team* apa-apa sukan sama juga lah, bukan sukan sepak takraw sahaja. Maknanya semua sukan sama lah.

NYS: Boleh saya tahu apakah peraturan dalam permainan sepak takraw dari segi pemakaian?

ATA: Okey lah, sekarang ini kalau ikut-ikutkan yang macam awak tanya ini lebih pada segi sesuatu persatuan itu yang ditetapkan dari segi pemakaian itulah, Okey dari segi pemakaian itu kalau dalam negara sekarang ini, negara Malaysia, dia meletakkan mesti menutup aurat lah, kalau pakaian sukan, selepas itu kalau lelaki kena tutup aurat kalau wanita pun sama kecuali ada pemain yang bukan muslim, kita tidak apa lah, tetapi untuk sebelah kaki dibawah ini memang tutup aurat lah daripada segi situ, tapi, berbeza dengan negara yang lain, itu dalam negara kitalah, pemain negara kita. Kalau di luar itu macam Korea itu, dia masih lagi pakai seluar pendek apa itu semua begitu lah. Tapi itu bergantung pada negara itu sendiri dan dalam antarabangsa lah. Macam itulah.

NYS: Kiranya untuk memakai stokin, kan pakai seluar pendek, stokin itu ada kepanjangan yang ditetapkan ataupun --

ATA: Dia maksud dia itu macam-- stokin ini adalah wajib pakai, tetapi itu saya kata tadi, macam undang-undang ini dia banyak bergantung kepada negara itu sendiri. Maksudnya, kadang-kadang bila kita pergi kejohanan ini, dia nak stokin itu warna hitam sahaja, dia tak nak warna kuning, dia tak macam itu. Tetapi, kadang-kadang dalam negara itu boleh pula. Macam kita pergi Myanmar, dia tak kisah mana-mana boleh, macam itu. Macam itu saya kata tadi itu macam *law* [undang-undang] ini,

dia bergantung kepada negara itu sendiri. Tetapi untuk keseluruhan yang ASTAF [Asian Sepaktakraw Federation, Persekutuan Sepaktakraw Asia] itu sama macam kita bermain bola, dia ada baju jersi, dengan seluar pendek, tetapi kalau kita tutup aurat bawah pada lutut lah macam itu.

NYS: Kiranya peraturan pemakaian itu diberikan oleh tuan rumah untuk sukan?

ATA: Persatuan sepak takraw negara itu sendiri kan. Tapi dia dah ada dah ketetapan daripada antarabangsa. Tapi kalau negara itu nak tambah, macam Malaysia, Malaysia tambah mesti pemain dalam negara tutup aurat, kena tutup aurat. Ha macam itulah.

NYS: Dari segi pemakaian kasut, adakah terdapat peraturan khas ataupun syarat khas?

ATA: Tidak ada (menggeleng), maksudnya kita boleh pakai kasut yang bersesuaian lah. Tetapi dia sebenarnya, kasut yang mahal apa semua ini, kalau tak bersesuaian pun tak boleh juga. Sebab takraw ini dia ada apa, ada kasut-kasut yang bersesuaian lah.

NYS: Apa pula peraturan dalam permainan sepak takraw dari segi kelewatan ke tempat pertandingan?

ATA: Dia undang-undang sama juga, maksud dia kalau kita lewat bila kita pergi antarabangsa ini, macam contoh kita pergi pertandingan Asia Games, Sea Games. Kita mesti sampai ke tempat perlawanan sejam sebelum. Kita nak daftar itu sejam sebelum. Sebenarnya kalau ikut-ikutkan macam *coach*, sejam setengah dah kena sampai dah. Maksudnya pemain nak *warming up* [memanaskan badan] apa semua-semua lebih kurang dalam dalam sejam [satu jam] lah yang kita nak pergi itulah [bertanding]. Tetapi, kalau kita lewat di situ, kalau pihak lawan ambil tindakan, kita terpaksa apa, kita kalah lah.

NYS: Kalah tanpa bertanding?

ATA: Aah tanpa bertanding lah. Ingat tak peristiwa kita tak tahu peristiwa itu yang bila OKU [Orang Kurang Upaya] yang Ziyad, yang dulu Sukan Olimpik, yang terlewat beberapa minit ha tak perasan?-

(Mencelah)

NAA: -Haa ingat, Ziyad Zolkefli.

ATA: Ada kemungkinan dia terlewat lah itu-

(Mencelah)

NAA: -Walaupun seminit.

ATA: Haa (mengiayakan) walaupun seminit. Ha macam itulah. Sebab dalam sukan ini disiplin itu penting lah.

NYS: Bagaimana pula untuk peraturan dari segi jumlah pemain termasuk simpanan?

ATA: Dia sebenarnya ikut *event* [pertandingan] yang kita nak bermain. Macam contoh, kalau kita yang senang macam ini lah, kalau kita pertandingan tiga pemain, tiga pemain yang biasa kita bermain tiga pemain, dia punya simpanan dua orang. Kalau katakan empat pemain, dia punya simpanan ada dua orang juga, ada enam semualah pemain dalam itu. Dia pemain, - sekarang ini kita ambil. Bila dua pemain, dia ada sorang [seorang] simpanan. Macam kejohanan yang selalu ada lah sekarang ini, regu, dipanggil regu itu, kadang-kadang bila nak penulisan [transkrip kata-kata tokoh] agak susah, saya rasa elok kita sebut, dua pemain, tiga pemain, empat pemain. (batuk). Dalam takraw dia panggil, regu [tiga pemain], *double* [dua pemain], *quadrel* [empat pemain].

NAA: *Quadrel* itu?

ATA: Empat pemain.

NYS: Kebiasaannya untuk bermain sepak takraw ini tiga ataupun empat pemain yang kebiasaannya untuk dipertandingkan?

ATA: Dia [jumlah pemain] sekarang ini, dulu banyak tiga pemain lah, wajib tiga pemain. Sekarang dalam-- sekarang ini dah, dia dah banyak acara, empat pemain pun dah banyak selalu dipermainkan.

NYS: Untuk bermain sepak takraw, apakah anggota badan yang dibenarkan untuk digunakan ketika bermain?

ATA: Dia [anggota badan] yang tak dibenarkan itu, tangan tak boleh lah. Maksud dia itu kalau katakan, tangan, sampai sini (sambil tunjuk dari tangan sehingga lengan) tak boleh, dan yang boleh kaki, pinggang, perut semua boleh main [digunakan untuk bermain] dengan kepala. Tangan sahaja yang tak boleh. Tetapi dia ada sentuhan, tak lebih tiga kali.

NYS: Kalau contoh pemain itu tergunakan tangan ataupun mana-mana anggota [anggota badan], memang batal terus?

ATA: Batal.

NYS: Apakah posisi yang ada di dalam kumpulan untuk permainan sepak takraw ini?

ATA: Posisi dia, ada tekong, ada *feeder*, ada *killer*.

NYS: Apakah tugas-tugas setiap posisi tersebut?

ATA: Tugas dia, ialah macam tekong melakukan servis, ini *basic* [asas] sekarang ini dah dah apa yang saya cerita ini *basic* [asas]. *Feeder* buat umpanan, *killer* buat rejaman lah.

NYS: Apakah posisi yang paling penting dalam kumpulan ketika dalam permainan?

ATA: Dia kalau di peringkat yang tertinggi, bila kita, sama ini, di peringkat tertinggi, bila di peringkat yang bawah ini kawalan gelanggang ini semua penting. Dia sebenarnya, semua itu penting, tetapi dalam kejo- alaf baru ini, tekong itu penting. Sebab nak memungut mata ini kebanyakan, kalau tekong yang bagus, memang selalu nya, apalah, dapat beri kejayaan lah (berdehem).

NYS: Untuk ketiga-tiga posisi ini, bolehkah mereka membuat jaringan gol [buat rejaman] ataupun hanya tekong sahaja?

ATA: Boleh, sesiapa pun boleh. Maksudnya *feeder* pun boleh buat rejaman, boleh jadi tekong apa semua pun boleh.

NAA: Bagaimana dengan *server* tekong? Dia pun boleh, antara tiga itu boleh tukar posisi?

ATA: Boleh. Kalau macam saya, contoh saya nak main tekong, selepas itu saya nak main *killer* boleh, nak main *feeder* pun boleh. Tetapi bergantung kepada strategi masing-masing lah. Ikut kepandaian, kalau dia berkebolehan macam itu, baguslah.

NYS: Apakah perkara yang dilarang untuk setiap posisi ketika dalam permainan?

ATA: Dilarang macam mana itu? Maksudnya itu, ya lah, dia melanggar undang-undang tak boleh macam itu.

NAA & NYS: _ _ _ _ _

ATA: Maksud dia?

NAA: Boleh bertukar posisi?

ATA: Bertukar posisi boleh lah. Maksud saya itu macam dilarang, saya rasa dia lebih pada, banyak itu kalau dilarang. Kita [pemain] tak boleh menjerit kat [dekat] orang, apa semua, tapi banyak. Dia [perkara yang dilarang] lebih kepada undang-undang. Maksudnya awak kena *Google* lah.

NAA: Bagaimana pertukaran, pertukaran pemain dia akan tukar masa _____ orang yang sama?

ATA: Pemain dia tak boleh tukar, satu. Dia [pemain] boleh keluar masuk, tetapi dalam satu permainan itu, dia boleh keluar dua kali sahaja. Satu *set* itu. *Set* yang pertama. Katakanlah boleh tukar dua kali, *set* yang kedua boleh tukar dua kali. Tapi dengan pemain simpanan yang ada itulah.

NYS: Jika pemain yang sedang bermain mengalami kecederaan, adakah pemain simpanan akan terus masuk ataupun tunggu masa yang diberikan?

ATA: Okey. Dia sekarang ini bila berlakunya kecederaan dia [penjaga masa] akan bagi masa lima minit, waktu kecederaan, dia tengoklah pemain itu boleh bermain balik ataupun tidak. Kalau tak boleh kita akan memasukkan pemain baru [pemain simpanan].

NYS: Kebiasaanya kecederaan yang dialami adalah -- Apakah kecederaan yang kebiasaannya dialami oleh para pemain?

ATA: Dia [kecederaan] kebanyakan pemain-pemain ini, ya lah, bila kita banyak menggunakan kaki banyak berlaku kecederaan lutut, *ankle* [buku lali], sebab bila--

, *jumping* [melompat] apa semua. Kecederaan yang besar selalunya ACL [*Anterior Cruciate Ligament*], kecederaan ligamen krusiat hadapan] lah dengan kecederaan lutut. Memerlukan rehat yang lamalah. Kalau ikutkan selepas pembedahan enam bulan ke satu tahun juga lah.

NYS: Kiranya pemain itu akan direhatkan daripada bermain untuk tempoh tersebut?

ATA: Ya. Kalau tengok faktor kecederaan itu. Kan kadang-kadang itu besok _ _ _ _ _ boleh main dah. Kadang-kadang memang tengok berapa minggu dia punya— satunya kalau macam negara ini, tak perlu kita tak perlu risau, tahu dah kita memang ada doktor yang akan merawat diaorang [pemain yang cedera]. _ _ _ _ _ skuad negara ini enam bulan tak boleh [bermain], diaorang ini seminggu, diaorang ini dua minggu, doktor dah bagi *guideline* [garis panduan].

NYS: Bagaimana pula dengan sistem pemarkahan dikira di Malaysia untuk sukan sepak takraw?

ATA: Semua sama [sistem pemarkahan]. Satu dunia sama lah.

NAA: Adakah --

ATA: Dua puluh satu [kiraan mata]. Kalau masa dua puluh sama. _ _ _ _ _ Dia diterima *best two* [markah seri]

NAA: Sistem kiraan lama ke sistem kiraan baru yang dua puluh satu?

ATA: Dua puluh satu ini kira baru lah [sistem kiraan baru] dia macam dua puluh satu baru.

NYS: Apakah sebab-

(Mencelah)

ATA: -Dia satu lagi kalau pandangan saya, macam sekarang ini banyak dalam *Youtube* apa semuanya, kalau awak nak mengenali dalam sukan sepak takraw ini macam mana pun awak kena tengok juga *Google*, tengok perlawanan itu, kiraan dia apa semua lah, sebab apa, baru awak dapat lagi menghayati benda itu lagi mendalam.

NYS: Adakah terdapat syarat-syarat khas semasa pemilihan pemain?

ATA: Dia bila kita nak pilih pemain ini, yang sebenarnya pemain ini, kita cerita dalam untuk mewakili negara lah. Pemain ini dia sebenarnya dia dah melalui fasa-fasa pertandingan yang ada dalam negara ini yang kita boleh membuat pemilihan, macam contoh, selalunya kalau pemain itu dia dah bagus dalam kejohanan yang kita ada, STL apa itu semua, itu lagi mudah untuk kita buat pemilihan. Bila kita kumpulkan, katakan lah, *long list* [senarai panjang]. Macam contoh, kita ambil tiga kita nak pilih lima belas orang, kita pilih *long list* kan nama itu tiga puluh orang, kita panggil *selection* [pemilihan], selepas itu kita hanya ambil lima belas orang sahaja. Ha macam itu lah dia punya kriteria yang apa tetapi mudahnya sekarang ini, sebab bila kita dah ada kejohanan macam STL Sepak Takraw League, apa semua itu, kita dah tengok dia punya *performance* itudah depan mata dah. Macam itulah, lagi mudah lah macam itu. Kalau macam dulu agak susah sikit kan bila Sepak Takraw League ini tiada ini payah sikitlah, sebab kita proses dia itu kita tengok kejohanan ini okey, selepas itu kita nak tengok kejohanan tak banyaklah. Macam sekarang ini dah ada depan mata kita, lagi mudah macam itu.

NYS: Kiranya ada ketinggian khas untuk pemain tersebut atau tidak?

ATA: Ada, dia ada lah, macam *position* [kedudukan] ini, dia sebenarnya, ada kalau macam tekong, kita lebihkan dari segi ketinggian, macam Syahir itu, dia ketinggian itu dah kira macam satu-sembilan-dua dia punya ketinggian sentimeter. Maksud dia tu, dia tekong banyak yang tinggi, tapi kalau *killer*, kita tengok, kalau tinggi itu *advantage* [kelebihan] juga, tapi yang sederhana pun boleh, kalau yang tak tinggi pun boleh

juga, tapi kena tengok diaorang [pemain] punya kebolehan itu. Kadang-kadang itu dia tak tinggi tapi dia punya *first ball* [bola pertama] bagus, dia tengok pada kelepandaian dia punya kebolehan macam itu yang kita nak pilih ini. Kadang-kadang, dia tinggi tak boleh main, macam mana kita nak pilih? Haaa macam itulah.

NYS: Saiz tubuh badan pemain juga adakah syarat-

(Mencelah)

ATA: -Dia punya faktor lah. Dia [saiz tubuh badan pemain] bersesuaian dengan posisi yang dia bermain.

NYS: Adakah syarat pemain harus mempunyai tapak kaki yang besar ataupun leper ataupun rata?

ATA: Dia sebenarnya, kalau dia jangan disebabkan oleh faktor macam contoh, selalu tapak rata ini tak berapa bagus kita nak bermain sebab dia boleh mengundang kecederaan. Contoh eh. Tapi kalau kita tahu benda itu, faktor yang kita nak ambil itu agak-- jarang berlakulah _ _ _ _ . Selalunya pemain-pemain yang ada ini, kebanyakan dia normal. Ada sekali pernah berlaku bila kita ambil benda itu [permukaan tapak kaki rata]. Dia memang tidak boleh menjalani latihan beratlah macam itu. Jadi *part* kecederaan.

NYS: Kiranya saiz tapak kaki akan mempengaruhi tahap kesihatan pemain tersebut?

ATA: Kita tengoklah, dia kadang-kadang bila faktor kesihatan doktor kata tapak kaki rata ini orang tak berapa itu sangat. Kalau masuk dalam tentera pun orang tak boleh terima. Ada juga dalam sukan macam itu, tapi kita tengok lah apa situasi pemain itu sendiri, tapi jarang berlaku semua ini. Sebab macam kaki ini, kita ini lebih ke arah--. Macam awak cakap ini, dia lebih kepada arah *research and development* [penyelidikan dan pembangunan]. Dia lebih ke arah macam itu. Macam *research*

ini, kita mengenal pasti pemain itu daripada awal peringkat bawah tadi. Macam peringkat saya ini, kita dah terima yang terbaik, *research and development* ini yang penting. Ohh bapa dia tinggi berapa, mak dia tinggi berapa itu peringkat bawah ini. Mengenal pasti macam itu. Macam saya ini nak terang yang di bawah ini, bukanlah saya tak tahu, tahu, tetapi, yang macam saya ini, terima yang terbaik dalam negara. Jelas tak? Jelas yang itu.

NYS: Jelas. Selain itu, jika pemain tersebut rabun adakah dia boleh bermain sepak takraw ataupun--?

ATA: Agak payah-

(Mencelah)

NYS: -Agak payah.

ATA: Tapi dia [pemain] kena pakai *contact lens* [kanta lekap] apa semualah. Selalunya kalau pakai cermin mata ini, jaranglah, tapi kena pakai *contact lens*. Ada juga pemain yang bila dia ketahui mata dia tak berapa semua [tak jelas] dia pakai *contact lens* ada.

NYS: Jika seseorang pemain tersebut mengalami kecederaan, adakah dia boleh bermain seperti sebelum ini ataupun ada cara lain?

ATA: Dia bila berlaku kecederaan ini, dia bergantung, apa kecederaan dia itu. Kalau kecederaan dia itu tak berat, ringan, macam, dia boleh bermain seperti biasa, tetapi kalau kecederaan yang besar macam ACL, dia banyak bergantung pada kesungguhan pemain itu untuk nak buat *rehab* [pemulihan], macam fisio apa itu semua, keberanian dia selepas itu. Kalau kadang-kadang dia dah mula takut, dia ada *impact* permainan dia lah.

NYS: Kebanyakan sukan sepak takraw ini dimainkan oleh lelaki atau pun perempuan?

ATA: Selalunya kalau dalam negara, banyak lelaki lah. Macam perempuan dalam negara ini memang kurangnya. Maksudnya, ada tetapi tak seramai macam lelaki lah. Kalau tanya saya, kalau lelaki itu seratus, perempuan itu *ten percent* [sepuluh peratus] lah kot. Macam itulah lebih kurang. Dia punya--, tak lima macam itulah. Macam lelaki ramai. Kan. Satu lagi macam adat. Susah nak cakap, macam kita dalam kedudukan negara kita sekarang ini macam muslim, ini apa-apa semua ini kan. Mungkin mak bapa yang sebelum-sebelum ini, bila tengok macam nampak kasar mungkin diaorang [ibu bapa] tak berminat anak-anak dia bermain sepak takraw, tapi sekarang ini dah mula bergerak ke apalah-- dah mula ramailah macam itu-

(Mencelah)

NAA: -Bagi--

ATA: Macam main bola pun dah ramai.

NAA: Bagi *coach* siapa pemain lelaki yang terbaik dengan perempuan? Pemain yang terbaik lelaki dan perempuan negara.

ATA: Negara ini kalau bagi saya, dia bergantung pada banyak pada hari kejohananlah. Macam saya, bagi saya pula, yang terbaik itu yang dah menunjukkan satu persembahan [permainan] yang baik, satu-satu kejohanan Sea Games, Sukan Asia, apa semua itulah. Tapi kalau dalam negara ini, banyaklah. Maksudnya kalau kita nak cerita pun macam contoh, kalau ikutkan tahun 2018 pemain yang terbaik bagi saya, Zulkifli Abdul Razak, sebab di kejohanan itu dia lah yang cemerlang disitu. Dia tak akan dapat macam contoh, orang kata Syahir, tapi masa 2018 itu, kat situ Syahir ada kurang sikit, lebih Zulkifli macam itu. Kita tak boleh nak meletakkan bergantung pada kejohanan itu. Tapi seorang pemain yang baik, dia mesti ada keseimbangan yang sama. Macam contoh, servis bagus, pertahanan pun nak kena

bagus. Dia tak boleh, servis bagus, pertahanan tak bagus pun tak boleh juga macam itu. Banyaklah faktor-faktor apa semua.

NYS: Bagaimanakah setiap pemain memilih ketua untuk pasukan mereka? Kapten pasukan.

ATA: Selalunya kapten ini banyak pada jurulatih. Kita tengok siapa yang boleh membimbing dengan karakter dia, dengan sifat kepimpinan dia, orang *respect* [hormat] kat dia tak, itu semualah. Itu semua pada jurulatih. Kadang-kadang boleh juga serah pada pemain tapi banyak pada--. Kalau saya, kalau saya apalah, saya sendiri kadang pilih, terpulang pada apalah, jurulatih itu sendiri.

NYS: Untuk memilih kapten, adakah umur- kapten itu mempengaruhi-

(Mencelah)

ATA: -Tidak semestinya

NYS: -Ataupun tidak?

ATA: Dia bergantung pada situasi. Macam contoh kapten ini, kadang orang itu dia layak, tapi disebabkan dia ada masalah keluarga, kita dalam kejohanan itu kita tidak boleh jadi kapten. Sebabnya dia banyak benda lain yang dia nak fikir. Haa macam itulah, sebab tanggungjawab kapten ini tinggi juga.

NYS: Pada pendapat *coach*, adakah sukan sepak takraw masih relevan untuk dimainkan pada masa kini?

ATA: Relevan, sebab sukan sepak takraw ini satu sukan yang saya kata tadi itu, luar negara pun dah banyak bermain, ibarat dia satu dunia dah main tiga puluh lima negara. Maksudnya, dia sebenarnya, sepak takraw ini dah kena pergi ke arah Sukan

Olimpik, Sukan Komanwel. Bila sukan Olimpik dia jadi lagi luaslah. Ada kemungkinan satu hari nanti kita tak tahu, kita tak boleh cakap lah, entah-entah saya jadi jurulatih Amerika kan? Ha macam itu lah. Dia punya itu jadi lagi luaslah.

NYS: Kiranya generasi akan datang harus meneruskan permainan ini?

ATA: Ya. Dia [generasi akan datang] sebenarnya macam ini lah, sepak takraw ini, apa yang kita nak banggakan lagi kalau katalah, kita yang cipta selepas itu kita tak bangga dengan apa yang kita cipta. Faham maksud saya? Kita cipta, kita tak bangga dengan apa yang kita cipta. Faham?

NAA: Faham.

ATA: Kita lagi suka, orang lain yang cipta, kita bangga. Kan tak *best* bunyi itu kan? Maksudnya kita, negara kita sendiri. Macam contoh, bola sepak datang daripada England, contoh, saya pun tak pasti England ataupun Brazil. Contohnya dua itu, England, dia bangga dengan apa, semangat kekitaan dia itu, macam Jepun, Sumo, dia bangga dengan Sumo, badan gemuk itu dia bangga dengan Sumo itu. Kita? Kalau kita tak bangga, siapa lagi nak bangga dengan sukan kita? Apa yang kita cipta, orang kita yang cipta, haa macam itu maksud saya, siapa lagi? Kalau kita dah tak bangga, saya pun tak tahu macam mana nak cakap.

NAA: *Coach* rasa mengapa sepak takraw, bola sepak lebih terkenal berbanding sepak takraw?

ATA: Dia [sepak takraw dan bola sepak] sebenarnya, kalau ikutkan daripada segi permainan ini, dia membabitkan banyak pihak. Macam contoh ya, takraw diperkenalkan tahun berapa? Selepas itu satu juga, macam bola ini, dia membabitkan satu dunia, (batuk) macam kita ini, di Asia Tenggara dengan Sukan Asia, tapi kita, nak melepasi benda itu, kita kena macam, bukan sekadar pengenalan sahaja. Macam diaorang, dia punya tahap dah--. Macam baru-baru ini, tak salah

saya, empat *point* berapa billion dah, final piala dunia orang tengok, baru-baru ini, (batuk). Maksud saya, macam itu lah, maksud saya ini, salah satu sebab dia sekarang ini dalam dunia sukan, orang dah buat sukan ini satu perniagaan. Kita dah tak boleh lagi kira macam sekadar macam itu saja lah, nak buat macam (batuk) buat biasa-biasa saja. Kena dah pergi lagi jauh. Orang dah buat *business* [perniagaan], macam contoh dia, satu contoh *simple* [mudah] lah, *team* bola sepak luar negara, dia dah ada masuk saham dah. Kita masih lagi tak ada (batuk) Kita kena ke arah macam itulah, sama juga macam sepak takraw. Dia menunjukkan identiti kita, kalau katakan sepak takraw ini macam itu saja. Ibaratnya, kita punya mentaliti orang kita itu, macam itu sajalah. Dia punya tak boleh pergi dengan lebih jauh. Haa macam itu. Sebenarnya, kalau tanya sayalah, ia satu cabaran pada kitalah, tapi nak kena, kena buat satu pembaharuan daripada segi, kalau tanya saya, takraw ini sukan ini, kena buat satu *business*. Orang boleh buat cari makan. Macam contoh, awak tiga orang, masuk dalam sukan sepak takraw dah macam awak pergi kerja kerajaan. Faham?-

(Mencelah)

NAA: -Sukan dah pent-- main sukan pun penting untuk--

ATA: Sukanlah. Dah ada orang *sponsor* [penaja] macam dekat kita, macam Eropah, macam-macam itulah--

(Mencelah)

NAA: -Macam satu pekerjaan.

ATA: Macam satu pekerjaan. Dia kita tak boleh nak ingat sukan itu main petang-petang saja, untuk seronok saja macam itukan? Haa tak boleh macam itulah. Kita nak pergi ke arah yang lagi besar, skop dia lagi besar. Haa macam sukan takraw ini, dah dipertandingkan di Sukan Olimpik, Sukan Olimpik berapa? Kalau dekat Malaysia

ini, kalau dapat Sukan Olimpik, dapat duit satu juta [Ringgit Malaysia] dia akan jadi lagi besarlah. Macam anak-anak muda, aku nak duit satu juta, aku pun nak main ini apa semua. Macam orang dapat sukan olimpik ini kan, dapat satu juta itu duit. Kan. Haa macam itu, Masa sukan Olimpik jadi satu *business*. Ada *company* yang nak *sponsor* dia kena mengarah macam itu. Dia tak boleh kita pandang oh sukan sepak takraw itu main kat kampung ja, habislah. Kalau kita berfikiran macam tu, kita meletakkan diri kita kat bawah lah, maknanya kita tak meletakkan diri kita tempat kita yang sebenarnya. Okey faham? *Alright*.

NYS: Okey untuk yang terakhir, bolehkah *coach* terangkan bagaimanakah sepak takraw dimainkan?

ATA: Okey, kalau dalam sepak takraw ini, dia yang penting dia, kalaulah, tengah-tengah dia itu ada jaring, bila ada jaring ini, dia beza sikit dengan, badminton lah, kalau badminton ini, dia boleh satu *touch* [sentuhan] sahaja. Satu *touch* mesti bola [bulu tangkis] itu kena pergi ke pihak lawan baliklah, tapi dalam sepak takraw, dia tak kisah, satu *touch* dan jangan melebihi tiga *touch*. Itulah sepak takraw. Maksudnya kalau, empat *touch* tak boleh. Itu saya kata tadi, satu *touch* boleh, dua boleh, tiga boleh, empat tak boleh. Haa macam itulah, itu beza dia. Maksud di situ, (batuk) bila dia dimulakan dengan servis, dengan servis ini satu *touch* sajalah kalau servis, selepas itu pihak lawan terima dan pihak lawan itu selalunya bila kita panggil, pertama itu *first ball* lah. Bila pihak lawan yang terima ini, *first ball* selepas itu buat umpanan. Yang kedua, yang ketiga itu buat rejaman. Tetapi disebabkan dalam permainan ini, mana boleh ikut macam buku. Dia tak boleh. Kadang-kadang itu, bila ambil saja *first ball* tiba-tiba dah boleh buat rejaman. Samalah dua *touch* jadi dia. Dia tak semesti dia ikut *rotate* [urutan posisi] tetapi kebanyakan nya bila bermain dia ikut satu, dua, tiga. Selalunya macam itulah.

NAA: Apakah teknik yang digunakan oleh pemain ketika dalam gelanggang?

ATA: Dia teknik ini sebenarnya dia menyel- menyeluruh. Dia sebenarnya, kalau dikatakan yang penting sekali itu, adalah -- Kita azan kita berhenti dulu okey?

(Berhenti sekejap untuk mendengarkan azan dan tokoh bangun untuk mengambil bola takraw)

NAA: Berbalik kepada soalan tadi, apakah teknik yang digunakan oleh pemain ketika dalam gelanggang?

ATA: Dia sekarang ini macam ini, kalau ikutkan dari segi permainan ini lah, sebab apa, kalau ikut teknik ini sebenarnya meluas tapi bila awak nak buat dalam bentuk penulisan ini, kalau bagi saya itu lebih ke arah nak cara bermain ke ataupun kira apa sebab teknik ini kalau ikut-ikutkan terlalu mendalam lah, kalau ikutkan kita nak cerita pasal teknik ini tiga hari empat malam, empat hari tiga malam pun tak habis. Macam itulah, maksudnya saya lebih menjuruskan posisi seseorang pemain dalam _ _ _ _ paling elok lah dia punya apa--. Macam satu contohnya, macam tekong bila untuk melakukan servis dia ada pembaling dan orang--apa-apapun, pembalingan pembaling dulu yang penting. Maksudnya pembaling itu perlu duduk di posisi yang sebetulnya, keselesaan dia untuk membaling, dan dia tahu berapa ketinggian untuk dia buat balingan apa itu semua, supaya tekong dapat melakukan servis. Okey, bila kita masuk daripada segi servis pula, macam saya mengistilahkan bukan mengistilahkan, maksud saya lebih terperinci daripada segi servis ini kalau bila kaki dia kedudukan, kaki dia bila dia naik, apa, yang pertama itu, gerakan yang pertama itu, dikira satu *part* selepas itu, bila kaki bot-- bila kaki dia dah naik, maknanya dia *contact* terhadap bola itu, satu *part* lagi, maknanya--, selepas itu, yang ketiga, *body* [badan] dia itu, satu *part*, maksud dia, kita ada pembahagian kita itu ada macam saya, bila saya melatih saya suka bahagikan kepada tiga peringkat. Maksud dia itu, macam kadang-kadang bila peminat-peminat ini dia hanya nampak bila orang itu melakukan servis nya sa- saja. Macam saya di peringkat yang tertinggi, saya kena melihat ketiga-tiga pering- *part* [bahagian] ini lah. Maksud dia macam bahagian ini lah, maksud dia macam angkat kaki macam mana, *contact* [kontak] bola macam mana, *body* dia, *posture body* [postur badan] dia macam mana haa macam

itu. Kalau itu di peringkat yang tertinggi lah. Kalau saya nak terangkan benda ini kang *detail* lagi, memang awak tak faham lah.

NAA: Apa maksud *contact*?

ATA: Ha?

NAA: *Contact*.

ATA: Maksud dia bila kaki itu pergi *contact* dekat bola itu. Ha itu satu *part*. Ada teknik dia. Ha macam itu lah. Faham? Sama juga macam *feeder* [pengumpan] bila dia nak buat umpanan pergi kat bawah bola angkat kaki macam mana, pun ada tiga apa juga. Okey tak ini? Faham tak ini dia punya apa? Eh maksud dia pecahan itu lagi *detail* lah. Tapi saya itu ibarat dia, sekarang ini bila seseorang itu nak bermain sepak takraw, dia mesti pandai timbang bola. Itu yang penting.

NAA: Ada nama khas timbang bola itu, nama teknik itu?

ATA: Nama khas dia-

(Mencelah)

NAA: -Se- sepak.

ATA: Macam saya, ada lah. Maksud dia sepak sila, sepak kuda, sepak badek macam-macam lah dia punya apa. Maksud dia itu yang paling selalu nya sepak sila lah. Sepak sila ini sepak yang macam-

(Mencelah)

NAA: -Teknik khusus [sic, teknik asas]?

ATA: Ha teknik khusus [sic, teknik asas] sepak sila lah. Selepas itu, sepak kuda. Sepak kuda ini pakai dua jari itu. Selepas itu, sepak badek macam ini. Ha macam-macam kaedah lah orang itu. Timbang bola pakai kepala.

NYS: Siapakah yang memperkenalkan teknik-teknik yang ada di dalam sukan sepak takraw yang dimainkan-

(Mencelah)

ATA: -Orang-orang yang terdahulunya sebelum ini lah yang orang memperkenalkan itu. Selepas itu, mereka ini berbalik-balik kepada sebelum dari permainan jaring ini, orang dah mula banyak buat kira dah banyak lah kira maksud dia macam sebelum pertandingan ada jaring, kitaorang ini dah mula dah macam dulu kita sejarah-sejarah kerajaan Melaka lah apa semua-semua ini, kebanyakannya banyak menggunakan sepak sila ini. Faham tak? Sebab itu permainan ini diwujudkan pakai jaring. Dia dah ada dah, *basic* [asas] itu dah ada dah. Faham maksud, eh faham eh?

NYS: Maksudnya sebelum ini, permainan sepak takraw ini dimainkan tanpa jaring?

ATA: Ha tanpa jaring. Tanpa jaring tapi dia tak panggil sepak takraw, sepak raga. Ha faham tak?

NAA: Sepak raga tiada, takda jaring. Dimainkan?

ATA: Macam bulatan lah, macam bulatan ha macam itu lah. Main bulat macam itu sepak semua, orang itu sepak kena macam itu lah.

NAA: Adakah setiap pemain takraw perlu kuasai semua-semua teknik yang *coach*-

(Mencelah)

ATA: -Ya lah, ya lah. Kalau nak *detail* (bunyi kerusi digerakkan) lagi, _ _ _ _ lah apa semua-semua, kalau bila saya terang macam itu kang huih banyak itu. Saya nak terang pun, boleh eh saya apa ini *stop* [berhenti].

NYS: Adakah setiap pemain sepak takraw perlu me- menguasai semua teknik yang ada?

ATA: Perlu lah. Maksud dia, yang teknik yang ada ini bukan apa, dia akan memberi kelebihan pada seseorang pemain itu. Kadang-kadang dia main satu *part* sahaja, kadang-kadang sebab zaman sekarang ini bila permainan bila bola laju, kita perlu teknik-teknik ini akan membantu banyak membantu di peringkat yang tertinggi. Kadang-kadang dia bila nak ambil *first ball* itu, dia tak boleh pakai sepak sila, dia terpaksa ambil sepak kuda. Macam itu lah ibarat dia. Di peringkat tertinggi lah, ya.

NAA: Adakah terdapat teknik rahsia dalam suatu-

(Mencelah)

ATA: -Dia

NAA: Pertandingan?

ATA: Sebenarnya rahsia ini ada lah, kebanyakan nya lah adalah daripada segi *tactical* [taktikal]. Dari segi permainan macam teknik kalau kita nak belajar daripada segi ini apa ini, ada cara masing-masing. Maksudnya dalam Malaysia ini ada cara dia tetapi kadang-kadang benda itu adalah kerahsiaan seseorang jurulatih itu. Maksudnya sebab kita nak pergi lawan, kita tak boleh lah nak tunjuk kita punya-

(Mencelah)

NAA: -Rahsia.

ATA: Rahsia kita pada orang lain. Macam itu lah. Kelebihan kita itu, kita tak boleh nak tunjuk dengan pihak lawan. Tetapi kalau *basic* ini daripada umur darjah empat apa semua-semua ini perlu disusun lah. Benda itu ada. Macam mana kita nak selaraskan benda ini macam itu lah. Terjawab tak itu?

NAA: Boleh *coach* senaraikan satu teknik rahsia?

ATA: Senaraikan macam mana itu?

NAA: Bagi tahu.

NYS & NAA: Macam teknik rahsia yang digunakan pemain Malaysia.

ATA: Ha ya lah, maksud dia itu daripada segi teknik ini macam, okey daripada segi contoh apa penjuru yang kita nak ambil, bola itu jatuh di mana. Ha macam itu lah. Dia tak boleh, maksud dia itu, saya tak boleh nak apa lah terang kat sini lah.

NAA: Ha faham-faham.

ATA: Ha faham tak? Maksud dia macam contoh dia, kita nak servis bola itu, kita nak jatuh dia itu dekat sini ha dekat penjuru itu, contoh kita nak ambil penjuru. Macam mana kita teknik kita nak-- apa, nak dapatkan benda itu. Maknanya *body* dia macam ini apa semua-semua macam ini ha maksud-

(Mencelah)

NAA: -Lebih *detail*?

ATA: Lebih *detail*. Ha macam itu. Maksudnya awak takkan boleh, kita tak boleh buat dalam bentuk penulisan sahaja, tak boleh.

NYS: Mengapakah bola dalam sepak takraw ini berbeza dengan bola yang ada di permainan sukan yang lain?

ATA: Dia sebenarnya kalau ikutkan orang dulu-dulu, dia buat bola menggunakan alam sekitar kita ini lah. Macam contohnya gunakan rotan, dulu dia gunakan rotan yang mudah yang kita nak ambil. Dia punya spring itu--, ada dia dalam bola rotan. Dulu kalau ikut-ikutkan, ada kemungkinan lah, saya pun tak berani nak cakap lah mungkin dulu dia ada. Kalau zaman-zaman saya kecil-kecil dulu, kalau saya main bola ke apa, saya sepak buah-- lah apa, buah limau lah, buah limau abung yang besar itu kan haa sepak-sepak benda itu lah. Selepas itu, ada ambil getah, lilit getah lah apa semua-semua. Itu bergantung kepada kalau tanya soalan pada saya macam itu kalau bagi saya, orang yang memperkenalkan dulu, dia dah jumpa kaedah bila menggunakan bola rotan itu, bila nampak benda itu bagus ada kesinambungan dari segi situ-situlah. Faham tak? Bukannya -- Tak tahu lah siapa yang mulakan tetapi dia ada kesinambungan. Maksudnya macam orang yang pertama itu dulu, kita tak tahu siapa yang mencipta (bunyi bola takraw) bola yang pertama. Kita tak boleh ngaku siapa-siapa yang mencipta bola yang pertama. Kita tak boleh, tak apa, zaman Kerajaan Melaka ke apa ke, dia nampak dia lilit-lilit kan bola itu selepas itu, makin lama orang *create* [cipta], *create*, *create* sampai lah tahun masa itu sebab saya di peringkat main bola rotan dengan main bola sintetik ini, sampai tahun lapan puluh berapa entah (bunyi bola takraw) bola sintetik ini keluar lah sebab macam rotan ini mungkin dah susah nak dapat kan dah susah nak dapat dan dia punya berat pun dah tak boleh nak sama. Kan rotan macam mana kita nak apa. Ada rotan ringan ada rotan apa semua sebab itu lah timbul lah bola--

(Mencelah)

NAA: -Sintetik?

ATA: Takraw sintetik ini. Itu yang saya kata tadi itu, setiap benda itu yang datang kita tak tahu bola macam mana lagi kan. Mungkin bergetah sahaja semua. Teknologi lah kan

macam itu lah maksud saya. Tapi saya tak boleh bagi jawapan yang pasal bola ini, tak boleh. Dia punya itu, dia punya spring nya itu, saya nak kena, kita kena *study* [belajar] lah. Dia datang sebab apa bila dia buat bulat itu, dia-- ada dia punya (bunyi bola takraw) dia punya macam spring nya lah untuk kita bila nak-- apa itu, macam bola ini dia lain. Dia ada pakai tiub, ada pakai apa semua macam itu lah. Setiap bola dia akan berbeza lah, orang besbol, orang main apa macam itu lah. Okey. Terjawab tak itu? Kalau awak tak terjawab, awak cakap sahaja ya.

NAA: Apakah teknik-teknik sepak takraw yang diperbaharui pada masa kini?

ATA: Dia kebanyakan teknik daripada segi yang paling ketara yang paling-- perlu di *upgrade* [naik taraf] sen- sentiasa di *upgrade*, pertama tekong, yang kedua itu daripada segi *killer* [penyerang] lah, okey. Sebab apa dia membabitkan dua posisi ini amat penting. Bukan lah kata pengumpan ini tak penting. Banyak mendatangkan mata ini pada dua posisi ini lah.

NYS: Adakah teknik-teknik itu masih dipelajari pada hari ini?

ATA: Ya lah. Maksud dia-- itu, daripada rutin-- dia itu macam saya kata tadi lah, macam mana seseorang jurulatih itu menjadi peranan untuk yang -- Ada kemungkinan macam saya cakap tadi macam ada jurulatih itu dia nak pecah itu lagi banyak lagi. Macam saya tiga, mungkin dia nak buat lima. Masing-masing punya apa lah, masing-masing punya kaedah lah. Faham tak? Macam cara kita nak melakukan itu bergantung kepada, kadang-kadang ada separuh itu, dia gantung bola, ada separuh itu dia pakai baling, ada separuh itu dia nak lekatkan macam itu untuk dia servis. Macam-macam lah. Kreativiti seseorang jurulatih itu teramat lah penting. Sebab apa, macam saya cakap tadi itu lah dalam sukan ini dia sentiasa-- berubah, dia takkan dapat benda yang sama tapi benda yang *basic* tetap sama, macam itu. Sama lah. Untuk *improve* [perbaiki], dia akan berubah. Banyak perubahan.

NAA: Dalam kursus-kursus yang *coach* sertai, adakah teknik-teknik itu juga dipelajari?

ATA: Dia bagi benda yang *basic* sahaja tetapi seorang jurulatih itu sendiri yang kena banyak nak *create* benda itu lah eh untuk penambahan baik.

NYS: Dalam permainan sepak takraw, adakah terdapat teknik-teknik *leccit* [tipu muslihat] untuk bertanding atau berlawan dengan pihak lawan?

ATA: Memang ada. Maksud dia itu bila kita jumpa dengan regu dia, itu saya kata tadi itu, setiap pemain itu dia ada ke- kelebihan dan ada kekurangan yang kita cerita pasal *leccit* itu adalah tipu muslihat lah. Kita lebih macam tipu muslihat kita itu macam mana kita nak menang dengan pasukan lawan itu. Ha itu penting lah ya. Macam contoh dia dari segi *tactical*, kita nak buat serangan, kita kena cari orang yang lemah, kita tak boleh serang orang yang-- pandai. Dia lemah kat mana, katakan lah kaki kiri dia lemah, kita bagi kat kaki kiri dia. Tak boleh lah kita nak bagi kaki kanan dia, contoh macam itu lah. Okey.

NYS: (Bunyi selakan kertas) Adakah jika pemain menggunakan teknik ini, pemain tersebut akan dikenakan-

(Mencelah)

ATA: -Tak, tak ada.

NYS: Tindakan tatatertib atau tidak?

ATA: Kecuali yang boleh membatalkan pakai tangan, tak boleh lah. Okey.

NAA: Soalan terakhir, apakah harapan *coach* untuk memajukan sukan (tokoh batuk) sepak takraw negara?

ATA: Saya harapan saya macam sukan sepak takraw ini (batuk) kalau boleh dia di-- mainkan di Sukan Olimpik lah. Itu harapan saya lah. Maknanya kalau bila dapat bermain di Sukan Olimpik, dia punya *impact* itu besar. Maksud dia itu secara tak langsung, bila dah bermain di Sukan Olimpik, maknanya takraw ini dah-- diterima oleh seluruh dunia lah.

NAA: Boleh *coach* terangkan cara-cara untuk memajukan untuk-

(Mencelah)

ATA: -Ya lah macam --

NAA: Menaikkan?

ATA: Bila macam itu--, mahu di Asia Tenggara, Asia, mereka yang paling penting sekali di sini, mereka perlu satu hati, bersatu macam mana kita nak pergi lagi jauh. Tinggalkan kepentingan diri sendiri. Pentingkan untuk nak menaikkan sepak takraw. Saya yakin macam mana kita dulu, takraw ini bermain di kampung sahaja selepas itu, bermain di Sea Game, SEAP selepas itu main Sea Game, main sukan Asia. Diaorang itu dah reti [tahu] dah, maksudnya nak bagi *upgrade* lagi lah. Maknanya kita boleh pergi jauh tapi kalau tanya saya, kita perlu anak-anak muda yang lebih mahu bagi, kira sokongan daripada anak-anak muda yang belajar di universiti-universiti yang kena bagi sokongan daripada segi sains sukan yang kuat dan pengurusan sukan yang kuat. Sebab apa, pelajaran ini dah ada di universiti tetapi mereka perlu *implement* kan dalam kerja, dalam benda apa lah, kira dalam yang sebenar lah, maknanya kerjaya yang sebenar, di luar. Sebab apa, baru lah sukan ini akan lebih pergi jauh lah. Kalau maksud dia, kalau kita masih berpikir lagi diri pemikiran yang lama, ha macam itu jelah bagi saya, ha macam itu lah maksud saya. Okey.

NYS: Soalan terakhir, apakah nasihat *coach* (tokoh batuk) pada golongan muda yang baru menceburi bidang, menceburkan diri dalam bidang sukan sepak takraw?

ATA: Okey. Sekarang ini sukan sepak takraw ini bukan suatu sukan yang mudah kita nak bermain. Kalau orang tanya saya, dia tak sama macam bola lah kalau bola ini kita sepak, sepak, sepak sahaja macam ibaratnya kita dah boleh main. Macam takraw ini kita nak timbang apa semua-semua lah kan tapi kita, sukan sepak takraw ini pula, dia seronok kita nak bermain lah. Maksudnya macam bila kita dah pandai makin lama makin pandai, itu makin lagi, lagi seronok kita nak bermain. Nasihat saya, bila kita rasa bakat kita itu boleh pergi jauh, kita tak boleh buat benda ini sambil lewa lah, tak boleh lah. Maksudnya kalau kita nak pergi jauh, kita kena mentaliti kita mentaliti seorang yang pemain yang pro [professional] lah. Maksud dia, kita fikir macam mana kita nak pergi lagi jauh lah wakil negara ke nak menang Sukan Asia ke apa semua, lebih ke arah macam itu lah. Fokus betul-betul. Kita tak boleh nak macam kejap nak buat, kejap taknak buat apa semua. Kalau macam itu, kita lebih kalau ada macam tak berminat macam itu, kita lebih kepada kita bersukan untuk menjaga kesihatan kita lebih ke arah macam itu lah. Tapi kalau kita nak pergi ke tahap tertinggi, kita kena fokus betul-betul. Kalau setakat nak macam main-main ha tak payah. Ha macam itu. Sebab apa dia, bila kita di peringkat yang tertinggi ini, dia punya cabaran terlalu tinggi macam itu, dia tak sama. Macam kalau kata main petang-petang itu, kita lebih ke arah nak campur dengan masyarakat, nak *fun* [seronok], nak jaga kesihatan kita ha lebih ke arah macam itu tapi kalau di peringkat tertinggi, tak boleh. Baik kita macam fokus, alah belajar itu pen-, memang kita kena belajar lah kan tetapi bagi lah tumpuan benda-benda yang lain yang buat lah sekadar takraw ini sekadar main petang-petang sahaja lah untuk jaga kesihatan sahaja. Ha ibarat macam itu eh. Kalau tertinggi *all out* [semua keluar] habis-habisan, macam itu sebab apa macam satu contoh, seorang pemain itu paling kurang, kalau dia nak pergi taraf tinggi, satu hari dia mesti *training* [latihan] empat jam [4 jam]. Ha.

NAA: Lama.

ATA: Kalau cakap main petang-petang boleh lah sepak-sepak sejam [1 jam]. Ha macam itu lah. Faham? Ha.

NAA: Itu sahaja soalan yang kami berikan kepada *coach*. Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang sukan sepak takraw bersama Encik Abd Talib Bin Ahmad. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temu-temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang sukan sepak takraw para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

ATA: Sama-sama.

NAA: Terima kasih *coach*.

ATA: Sama-sama. Okey eh.

6.0 LOG TEMUBUAL

BAHAGIAN A [TEMUBUAL OBJEKTIF PERTAMA]

Masa	Perkara	Jawapan
0:00	Temubual bermula	
0:08 – 4:37	Latar belakang diri tokoh	➤ Nama penuh ialah Abd Talib Bin Ahmad ➤ Lahir di Pedas, Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia pada 18 Mac, tahun 1971 dan membesar di Pedas. ➤ Mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Pedas dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sedia Raja, Pedas ➤ Menyambung pelajaran di Tingkatan 6 tetapi beliau mengambil keputusan untuk berhenti belajar dan bekerja buat kali pertamanya pada tahun 1990 di PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor) selama 2 bulan ➤ Bekerja dengan Bank Bumiputra pada tahun 1990 – 2001 dan selepas itu, beliau mengambil keputusan untuk berniaga lebih kurang dalam 10 tahun ➤ Menjadi jurulatih sepak takraw untuk pasukan Negeri Sembilan pada tahun 2011 - 2014 dan pada tahun 2015 - 2022, beliau melatih

		pasukan sepak takraw negara Malaysia iaitu selama 8 tahun ➤ Anak yang paling bongsu daripada 13 orang adik-beradik dan 2 orang antaranya telah meninggal dunia ➤ Ibu beliau berumur hampir 100 tahun manakala bapa pula, telah meninggal dunia pada tahun 1994 ➤ Bermain sepak takraw untuk pasukan Negeri Sembilan lama iaitu lebih kurang dalam 10 tahun manakala dengan Malaysia selama 2 tahun ➤ Bermain sepak takraw untuk pasukan Kuala Lumpur selama 2 tahun ➤ Pernah mewakili sekolah-sekolah Negeri Sembilan dalam Piala Rahman pada tahun 1988 ➤ Mempunyai kebolehan dalam sukan bola sepak dan sepak takraw ➤ Lebih fokus kepada sukan sepak takraw selepas mengalami kecederaan
4:38 – 5:17	Pekerjaan tokoh sekarang dan sebelumnya	➤ Bekerja sepenuh masa sebagai seorang jurulatih sepak takraw dari tahun 2011 – 2022 ➤ Baru menamatkan perkhidmatan dengan skuad negara pada penghujung tahun 2022 iaitu pada bulan November

		➤ Mencuba untuk menceburi bidang lain buat masa sekarang tetapi tidak meninggalkan kebolehan daripada segi jurulatih
5:18 – 6:25	Cita-cita tokoh waktu kecil	➤ Pada awalnya, beliau tidak mempunyai cita-cita ➤ Ketika zaman remaja, beliau mengambil sahaja peluang yang ada di depan mata dan tidak memilih
6:26 – 7:39	Ahli keluarga tokoh yang menceburi bidang sepak takraw	➤ Mempunyai abang yang menceburi bidang sepak takraw sama seperti beliau tetapi hanya bermain di peringkat sekolah-sekolah Negeri Sembilan sahaja ➤ Anak lelaki beliau juga bermain sepak takraw tetapi hanya bermain di peringkat sekolah-sekolah sahaja dan dia juga berkebolehan dalam sukan bola sepak
7:40 – 8:42	Minat tokoh antara sukan bola sepak dan sepak takraw	➤ Bermain bola sepak dan sepak takraw dan meminati kedua-duanya sekali
8:43 – 9:20	Waktu menceburi dalam bidang sepak takraw	➤ Bermain sepak takraw ketika berusia 12 tahun ➤ Sewaktu kecil, beliau bermula dengan bermain bola sepak dahulu kerana bola sepak hanya memerlukan padang yang kecil untuk bermain

		➤ Tidak sama seperti sepak takraw kerana ia memerlukan gelanggang yang khas untuk bermain dan sebab itu lah beliau mula bermain
9:21 – 10:13	Sebab minat dalam bidang bola sepak	➤ Mempunyai guru yang sentiasa menyokong beliau untuk bermain tidak kisah sukan apa pun ➤ Memang minat sukan dari kecil
10:14 – 11:10	Pertandingan sepak takraw yang pernah dimenangi ketika menjadi pemain	➤ Kejohanan Perilly's yang ditaja oleh rokok ➤ Kejohanan Super Series
11:11 – 12:26	Kursus-kursus yang tokoh sertai sebagai pemain	➤ Tidak menghadiri kursus-kursus ➤ Hanya meminta tunjuk ajar daripada orang yang lebih dewasa ➤ Mempunyai jurulatih yang sentiasa memberikan penerangan dan tunjuk ajar tentang cara bermain
12:27 – 13:19	Waktu bermula khidmat sebagai jurulatih sepak takraw	➤ Bermula sebagai jurulatih sepak takraw untuk pasukan Negeri Sembilan pada tahun 2011-2014 dan membawa pasukan Negeri Sembilan ke SUKMA (Sukan Malaysia) ➤ Menjadi jurulatih sepak takraw untuk pasukan Malaysia pada tahun 2015-2022
13:20 – 13:47	Tempat latihan pertama untuk melatih pasukan Negeri Sembilan	➤ Gelanggang serbaguna Paroi di Seremban, Negeri Sembilan

		➤ Bersebelahan dengan stadium bola sepak Negeri Sembilan
13:48 – 14:59	Pangkat tertinggi sebagai jurulatih	➤ Ketua jurulatih sepak takraw negara pada tahun 2015-2022 ➤ Dilantik sebagai pengarah teknikal pada tiga tahun yang lepas dan skop kerja nya lebih besar berbanding yang sebelum
15:00 – 16:42	Proses pemilihan ketua jurulatih sepak takraw	➤ Dipanggil untuk datang temuduga bersama 22 orang jurulatih yang lain ➤ Terdapat 6 orang panel temuduga yang ditugaskan untuk menilai para jurulatih yang terdiri daripada Profesor daripada universiti, MSN (Majlis Sukan Negara), ISN (Institut Sukan Negara) dan Persatuan Sepaktakraw Malaysia ➤ Ketika sesi temuduga, beliau perlu bentang kertas kerja yang telah dibuat di hadapan panel dan akhirnya terpilih
16:43 – 16:55	Orang yang melantik tokoh sebagai ketua jurulatih sepak takraw negara	➤ Persatuan Sepaktakraw Malaysia
16:56 – 18:12	Kursus-kursus yang tokoh sertai ketika menjadi jurulatih	➤ Kursus Sains Sukan Tahap 1 ➤ Kursus Sains Sukan Tahap 2 ➤ Kursus Sains Sukan Tahap 3 ➤ Kursus Kejurulatihan Sepaktakraw Tahap 1

		➤ Kursus Kejurulatihan Sepaktakraw Tahap 2 ➤ Kursus Kejurulatihan Sepaktakraw Tahap 3
18:13 – 21:33	Kursus kejurulatihan yang disertai	➤ Kursus adalah benda yang bagus kepada beliau dan pasukan negara Malaysia ➤ Melaksanakan apa yang dipelajari daripada kursus tersebut supaya dapat mengenalpasti kesalahan diri sendiri
21:34 – 23:10	Pertandingan yang Malaysia sertai ketika di bawah bimbingan tokoh	➤ Sea Games di Singapura (2015) ➤ Sea Games di Malaysia (2017) ➤ Sea Games di Filipina (2019) ➤ Sea Games di Vietnam (2022) ➤ Asian Games (kejohanan tertinggi sepak takraw) di Palembang (2018) ➤ King's Cup setiap tahun
23:11 – 24:18	Pencapaian pertama tokoh sebagai ketua jurulatih negara	➤ Semasa tahun 2015, pasukan negara pernah mengalahkan Thailand di ISTAF (International Sepaktakraw Federation) SuperSeries Melaka ➤ Semasa tahun 2015 juga, Malaysia memperoleh emas dalam Sea Games Singapura ➤ Juga memperoleh 2 emas pada tahun 2017 di Sea Games Malaysia
24:19 – 26:06	Perasaan selepas Malaysia memenangi emas di Asian Games	➤ Rasa terharu ➤ Juga rasa gembira

26:07 – 26:13	Tempoh Malaysia tidak memenangi emas di Asian Games	➤ Selama 24 tahun
26:14 – 27:51	Sebab Malaysia begitu bersemangat mengalahkan Indonesia pada Asian Games 2018	➤ Membawa pasukan sepak takraw negara ke Kem Komando Jugra di Banting, Selangor untuk meningkatkan kekuatan mental ➤ Ternyata Kem Komando memberikan kesan yang positif kepada pasukan Malaysia kerana apabila pemain hampir kalah dengan pasukan Indonesia, mereka bangkit semula untuk menang dalam pertandingan itu
27:52 – 28:40	Penyertaan pemain dalam Kem Komando	➤ Tidak sertai setiap tahun ➤ Bergantung kepada situasi ➤ Hanya membawa pemain baru untuk sertai Kem Komando
28:41 – 31:47	Kenangan pahit ketika mengetuai skuad sepak takraw negara	➤ Membabitkan mentaliti seseorang pemain itu sendiri ➤ Ketika di Korea pada tahun 2015, Malaysia telah kalah dengan Singapura pada awalnya sehinggakan terdapat seorang pemain sepak takraw yang tertekan dan akhirnya menangis selepas menerima kutukan daripada pengguna media sosial ➤ Agak sukar untuk beliau mengembalikan semangat pemain pada waktu itu

		➤ Semenjak dari kejadian itu, beliau tidak akan membenarkan pemain-pemainnya menggunakan telefon bimbit sebelum dan semasa perlawanan bermula
31:48 – 32:58	Penerimaan golongan muda terhadap syarat-syarat yang dibuat	➤ Pemain muda perlu mengikut segala arahan yang telah dibuat ➤ Sekiranya seseorang pemain itu melawan, dia berhak dikeluarkan daripada skuad negara
32:59 – 33:52	Aktiviti tokoh selepas menamatkan perkhidmatan sebagai jurulatih sepak takraw negara	➤ Lebih menceburi dalam bidang pertanian ➤ Tidak akan meninggalkan sepak takraw

BAHAGIAN B [TEMUBUAL OBJEKTIF KEDUA]

Masa	Perkara	Jawapan
33:54 - 37:14	Sejarah sukan sepak takraw	➤ Diperkenalkan di Penang, Malaysia ➤ Tahun 1960an mula dimainkan ➤ ‘Sepak’ asal Malaysia, ‘Takraw’ asal Thailand
37:15 - 38:24	Cara sepak takraw dibawa masuk ke Malaysia	➤ Mula dimainkan di Penang, Malaysia ➤ Singapura sebagai juri
38:25 - 39:16	Perkara berkaitan sepak	➤ ASEAN

	takraw, hobi atau kerjasama antara negara	➤ Bertanding antara negara ➤ Negara-negara Asia Tenggara
39:19 - 40:42	Sukan sepak takraw dipertandingkan hingga peringkat antarabangsa	➤ 35 hingga 37 negara ➤ King's Cup
40:46 - 41:30	Negara-negara Asia	➤ India, Jepun, Korea dan lain-lain
41:35 - 43:37	Teknik permainan	➤ Bermula dari peringkat bawah semasa kecil
43:40 - 44:16	Minat sejak kecil	➤ Ya
44:18 - 45:25	Peraturan permainan sepak takraw	➤ Menutup aurat untuk pemain muslim ➤ Pakaian jersi
45:30 - 46:29	Kepanjangan stokin	➤ Tiada
46:32 - 46:53	Peraturan pemakaian	➤ Ditetapkan oleh persatuan sepak takraw antarabangsa
46:56 - 47:20	Syarat pemakaian kasut	➤ Tiada syarat tetapi harus bersesuaian
47:23 - 48:50	Terlewat ke tempat pertandingan	➤ Lewat sampai akan kalah
48:53 - 50:00	Jumlah pemain termasuk simpanan	➤ 3 pemain, seorang simpanan
50:03 - 50:33	<i>Quadrel</i>	➤ Empat pemain
50:35 - 51:21	Anggota badan yang digunakan	➤ Semua anggota badan kecuali tangan dan lengan

51:24 - 51:36	Posisi dalam permainan	➤ <i>Feeder, Killer, Tekong</i>
51:38 - 51:58	Tugas setiap posisi	➤ <i>Feeder</i> membuat umpanan ➤ <i>Killer</i> membuat rejaman ➤ Tekong membuat servis
52:00 - 53:15	Posisi paling penting	➤ Tekong
53:16 - 53:53	Perkara yang dilarang semasa bermain	➤ Menjerit
53:54 - 54:49	Penukaran posisi semasa permainan	➤ Dibenarkan untuk bertukar posisi sebanyak dua kali
54:50 - 56:05	Kecederaan yang dialami oleh pemain	➤ ACL iaitu kecederaan ligamen krusiat hadapan
56:08 - 59:57	Sistem pemarkahan	➤ 21 mata (sistem baru)
1:00:00 - 1:02:04	Jenis tapak kaki	➤ Tapak kaki rata tidak digalakkan
1:02:05 - 1:12:27	Pemain yang rabun	➤ Menggunakan kanta lekap atau <i>contact lens</i>

BAHAGIAN C [TEMUBUAL OBJEKTIF KETIGA]

Masa	Perkara	Jawapan
1:12:28 – 1:14:47	Cara permainan sepak takraw	➤ Mempunyai 3 pemain ➤ Mempunyai bola sepak takraw ➤ Mempunyai jaring

		➤ Membuat servis, umpanan, rejaman
1:14:48 – 1:18:12	Teknik permainan	➤ Posisi ketiga-tiga pemain iaitu tekong, <i>killer</i>, <i>feeder</i> ➤ Membuat servis, umpanan, rejaman ➤ Ketinggian kaki untuk melakukan servis ➤ Cara kontak bola ➤ Postur badan yang sesuai
1:18:13 – 1:18:34	Nama teknik untuk timbang bola	➤ Sepak sila ➤ Sepak kuda ➤ Sepak badek
1:18:35 – 1:18:50	Teknik asas	➤ Sepak sila
1:18:51 – 1:19:49	Orang yang memperkenalkan teknik-teknik sepak takraw	➤ Orang yang terdahulu
1:19:50 – 1:20:01	Cara sepak raga dimainkan	➤ Dalam bulatan ➤ Bergilir-gilir menimang bola dan mengawal nya supaya tidak jatuh ke tanah
1:20:02 – 1:20:53	Semua teknik sepak takraw	➤ Pemain perlu kuasai semua ➤ Ia memberi kelebihan pada seseorang pemain itu
1:20:54 – 1:22:59	Teknik rahsia	➤ Mempunyai <i>tactical</i> yang tersendiri

1:23:00 – 1:25:58	Sebab bola sepak takraw berbeza dengan bola yang lain	➤ Bola takraw sintetik mempunyai spring dan tiub yang membolehkan ia melantun
1:25:59 – 1:26:36	Teknik-teknik sepak takraw yang diperbaharui masa kini	➤ Teknik <i>tekong</i> dan <i>killer</i>
1:26:37 – 1:27:44	Teknik-teknik adakah masih dipelajari	➤ Masih dipelajari
1:27:45 – 1:28:03	Teknik yang dipelajari dalam kursus-kursus yang tokoh sertai	➤ Mempelajari teknik asas sahaja
1:28:04 – 1:29:13	Teknik <i>leccit</i>	➤ Menggunakan teknik <i>leccit</i> atau tipu muslihat dalam pertandingan ➤ Tiada tindakan tatatertib dikenakan sekiranya pemain menggunakan teknik ini
1:29:14 – 1:31:42	Harapan tokoh untuk memajukan sukan sepak takraw negara	➤ Berharap supaya sukan sepak takraw dapat dimainkan di Sukan Olimpik ➤ Perlu bersatu hati dan meninggalkan kepentingan diri sendiri demi menaikkan sepak takraw ➤ Juga memerlukan sokongan daripada anak-anak muda yang belajar di universiti daripada segi sains sukan dan pengurusan sukan yang kuat

		➤ Mereka perlu melaksanakan aktiviti ini ketika di alam universiti dan ketika mempunyai kerjaya sendiri di luar sana supaya sukan ini dapat pergi jauh
1:31:43 – 1:34:19	Nasihat tokoh pada golongan muda	➤ Sekiranya seseorang itu mempunyai kebolehan dalam sukan sepak takraw dan boleh pergi jauh, berusaha lah bersungguh-sungguh untuk berjaya dan tidak membuat sesuatu itu sambil lewa ➤ Jadikan lah sukan sepak takraw ini sekadar hobi waktu petang untuk menjaga kesihatan dan bergaul dengan masyarakat
1:34:20 – 1:34:55	Skrip penutupan dan temubual tamat	

7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua golongan tanpa mengira tua atau muda yang berminat dengan sepak takraw. Seterusnya, ini adalah satu langkah untuk mempopularkan sukan ini. Hal ini kerana dapat lihat ada sesetengah golongan yang tidak mengenali sukan ini serta teknik-tekniknya. Oleh itu, kami berharap supaya kajian yang kami lakukan ini dapat membantu para penyelidik di luar sana yang mahu mengetahui lebih mendalam tentang sukan sepak takraw ini.

GLOSARI

Perkataan	Maksud
ACL	ACL adalah kecederaan pada ligamen krusiat hadapan iaitu di bahagian lutut.
<i>Coach</i>	<i>Coach</i> adalah gelaran dalam bahasa Inggeris merujuk kepada jurulatih dalam bidang sukan.
<i>Feeder</i>	<i>Feeder</i> ataupun pemain di sebelah kiri bertanggungjawab untuk mengawal bahagian hadapan gelanggang dan memikul tugas mematikan bola di gelanggang lawan. <i>Feeder</i> juga boleh 'menyediakan' bola itu di arah atau tempat yang cantik supaya boleh <i>killer</i> cuba mematikan.
<i>Killer</i>	<i>Killer</i> ataupun pemain kanan biasanya untuk mematikan bola dan mengawal kawasan hadapan dari percubaan pihak lawan mematikan bola.
Tekong	Tekong adalah orang yang melakukan sepak mula dan mengawal bahagian belakang gelanggang
<i>Quadrel</i>	<i>Quadrel</i> adalah empat pemain yang bermain dalam permainan sepak takraw.
Regu	Regu adalah 3 orang pemain bermain dalam satu-satu permainan sepak takraw.
Rejaman	Rejaman dilakukan untuk mematikan bola ke

	dalam gelanggang pihak lawan.
Servis	Servis dilakukan dengan tujuan untuk menghantar bola ke bahagian belakang gelanggang.
Sepak takraw	“Sepak” yang berarti menendang dalam bahasa Melayu dan “takraw” yang berarti bola rotan dalam bahasa Thailand.
Umpanan	Umpanan dilakukan sebaik sahaja bola tiba ke arah pemain dan perlu mengawal bola
<i>Warming up</i>	<i>Warming up</i> adalah aktiviti untuk memanaskan badan sebelum bersukan.
<i>Tactical</i>	Berkaitan dengan taktik yang digunakan untuk menjayakan sesuatu rancangan atau mencapai tujuan.
<i>Engineer</i>	Orang yang terlatih dalam mereka, membuat dan menggunakan (menjaga) jentera atau terlatih dalam mana-mana cabang kejuruteraan.
Sepak sila	Sepakan dengan bahagian kaki di sebelah dalam.
Sepak kuda	Sepakan dengan menggunakan kura kaki atau dengan punggung kaki.
Sepak badek	Sepakan dengan bahagian kaki di sebelah luar.
Skwad	Suatu kumpulan orang yang bekerja sebagai

	suatu pasukan
Kontak	Perihal atau keadaan bersentuh, sentuhan, atau hubungan
Bola sintetik	Bola yang diperbuat daripada bahan kimia atau bahan tiruan dan bukan daripada sumber semula jadi
Bola rotan	Bola yang diperbuat daripada rotan yang lembut dan dianyam

INDEKS

A

ASEAN, 27

ASTAF, 31

Asia Games, 20-21, 31

B

Bola takraw, 13

Bola rotan, 27, 50

Bola sintetik, 50

Bermain, 12-15, 27-33, 35-36, 38-41, 44-46, 53-54

C

Coach, 10-16, 18-22, 24-27, 31, 40-42, 44, 47, 49, 52-55

F

Feeder, 33-34, 46

First ball, 38, 44, 48

G

Gelanggang, 14, 16, 34, 44, 45

I

ISN, 17

ISTAF, 21

J

Jurulatih, 10-12, 14-22, 25, 41-42, 48, 51-52

Jaring, 26-27, 44, 47

K

Killer, 34, 37, 51

M

MSN, 17

P

Pemain, 11-15, 22-24, 29-33, 35-41, 44-45, 47-49, 52, 54

Peraturan, 30-32

Posisi, 33-35, 38, 44-45, 51

Pasukan negara, 11, 19

Pertandingan, 14-15, 20-21, 31-32, 37, 47, 48

Piala Rahman, 11

Perilly's, 14-15

Pengarah teknikal, 16

Persatuan, 17-18, 26-28, 31

Piala Raja Thai, 20, 28

Pembaling, 45

Posture body, 45

Q

Quadrel, 32

S

Sepak takraw, 10-16, 18, 20-21, 23-31, 33, 36-37, 39-44, 46-48, 50-55

Sepak raga, 47

Servis, 34, 40-41

Sistem pemarkahan, 36

STL, 14, 37

Skwad negara, 11-12, 25, 36

SUKMA, 15

SEA Games, 20-21, 27, 31, 40

SEAP, 27, 53

T

Tekong, 33-34, 37, 45, 51

Teknik, 10, 29, 44-49, 51-52

Tactical, 48,52

U

Umpanan, 34, 44, 46

RALAT

Sepanjang temubual dijalankan terdapat gangguan yang mampu memberi gangguan kepada penyelidik ketika membaca dan merujuk transkrip. Antaranya ialah:

MINIT RAKAMAN	RALAT
5:04	Bunyi ketukan meja
5:49	Tokoh dan penemubual gelak
6:25	Tokoh gelak
7:28	Bunyi selakan kertas
14:49	Bunyi selakan kertas
16:10	Tokoh gelak
17:35	Bunyi selakan kertas
22:29	Bunyi kerusi digerakkan
25:40	Tokoh dan penemubual gelak
25:47	Bunyi ketukan meja
25:58	Tokoh gelak
32:46	Tokoh gelak
37:06	Bunyi selakan kertas
49:52	Tokoh batuk
52:33	Tokoh berdehem
1:09:16	Tokoh batuk
1:09:47	Tokoh batuk
1:10:11	Tokoh batuk
1:10:29	Tokoh batuk
1:13:26	Tokoh batuk
1:20:09	Bunyi kerusi digerakkan
1:24:30	Bunyi bola takraw
1:24:58	Bunyi bola takraw
1:25:40	Bunyi bola takraw
1:28:57	Bunyi selakan kertas

1:29:18

Tokoh batuk

1:29:25

Tokoh batuk

1:31:46

Tokoh batuk

RINGKASAN

Nurul Afiqah Athira binti Zulpakar serta rakan penyelidikanya, Nur Yang Syaquirin binti Marni telah berjaya menjalankan sesi temubual sejarah lisan bersama jurulatih sepak takraw negara yang bernama Abd Talib Ahmad bertempat di kediaman keluarga milik tokoh iaitu di Taman Selaseh Fasa 1, Batu Caves. Sesi temubual dijalankan berdurasi selama 1 jam 35 minit. Sesi temubual ini dijalankan jam 3 petang sehingga jam 4:30 petang.

Encik Abd Talib Ahmad merupakan anak kelahiran Negeri Sembilan yang berasal daripada Pedas, Rembau dilahirkan pada 18 Mac 1971 yang kini berusia 52 tahun. Beliau mempunyai minat dalam bermain sepak takraw dan juga bola sepak sejak masih kecil. Malangnya, beliau telah mengalami kecederaan dan disebabkan hal ini, beliau lebih menceburkan diri dalam bidang sukan sepak takraw.

Sesi temubual merungkaikan bagaimana karier beliau menjadi seorang pemain dan jurulatih sepak takraw. Setiap pengalaman dan maklumat yang dikongsi berkaitan sepak takraw amatlah menarik dan dapat memberi pengajaran kepada semua individu yang terlibat dalam bidang sukan khususnya sukan sepak takraw. Encik Abd Talib Ahmad merupakan seorang yang sangat gemar berkongsi mengenai kehidupan beliau sebagai seorang jurulatih dan juga bekas pemain sukan sepak takraw negara, dengan penuh maklumat yang berkaitan dengan sukan sepak takraw. Oleh itu, sesi temubual ini telah berjalan dengan lancar. Alhamdulillah.

Temubual sejarah lisan mengandungi banyak perkara yang disentuh seperti latar belakang beliau, cabaran yang dihadapi oleh beliau sepanjang berkhidmat sebagai jurulatih sepak takraw dan serba sedikit maklumat berkaitan sukan sepak takraw yang berkemungkinan tidak semua individu mengetahuinya. Selain itu, beliau juga menceritakan tentang pencapaian dan penghargaan yang perolehi sepanjang menjadi pemain dan bertugas sebagai jurulatih. Tambahan pula, beliau juga turut menceritakan mengenai sejarah bagaimana sukan sepak takraw ini mula dimainkan yang pada asalnya sukan ini dimainkan menggunakan bola rotan dan telah ditukar menggunakan bola sintetik sebagai suatu kelainan antara sukan-sukan yang lain. Di samping itu, beliau juga menceritakan bagaimana teknik permainan yang harus dikuasai oleh semua pemain, tidak kira pemain sebenar mahupun pemain simpanan. Hal ini kerana, setiap pemain harus sentiasa bersedia dan bersiap sedia untuk memulakan permainan, itulah pentingnya disiplin dan sikap sentiasa bersedia yang diterapkan oleh Encik Abd Talib Ahmad selaku ketua jurulatih sukan sepak takraw

terhadap anak-anak didiknya. Perjalanan karier beliau sebagai seorang jurulatih sukan sepak takraw yang penuh suka duka telah diceritakan dengan penuh berinformasi dan ia amat membantu dalam memberi panduan kepada masyarakat umum dan para penyelidik pada masa yang akan datang.

RUJUKAN

- Bernama. (2022, Februari 6). Pembentukan entiti baharu elak sepak takraw negara tercicir-Pesuruhjaya Sukan. Astro Awani. Diakses pada 27 November 2022 daripada <https://www.astroawani.com/berita-sukan/pembentukan-entiti-baharu-elak-sepak-takraw-negara-tercicir-pesuruhjaya-sukan-345438>
- Bernama. (2017, Disember 12). Sepak takraw antara digugurkan daripada sukan teras negara. Astro Awani. Diakses pada 27 November 2022 daripada <https://www.astroawani.com/berita-sukan/sepak-takraw-antara-digugurkan-daripada-sukan-teras-negara-162774>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. Definisi Seni menurut Kamus Dewan. Diakses pada 13 November 2022 daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seni>
- Kapten Labola. (2021, Ogos 13). Memahami sebab tiada skuash, takraw, boling atau silat di sukan olimpik. Labola Malaya. Diakses pada 30 November 2022 daripada <https://labolamalaya.com/memahami-sebab-tiada-skuash-takraw-boling-atau-silat-di-sukan-olimpik/>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (n.d.). Sukan sepak takraw sekolah rendah. Diakses pada 27 November 2022 daripada <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/dasar/1241-sukan-sepak-takraw-sekolah-rendah/file>
- Mohd Nizam Mohamad Yatim. (2020, November 27). Memartabatkan sepak takraw. Utusan Malaysia. Diakses pada 28 Januari 2023 daripada <https://www.utusan.com.my/rencana/2020/11/martabatkan-sepak-takraw/>
- Pusat Kajian Sejarah Lisan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Definisi Sejarah Lisan. Diakses pada 13 November 2022 daripada <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

LAMPIRAN

BIOGRAFI TOKOH

Encik Abd Talib Bin Ahmad merupakan seorang jurulatih sepak takraw negara dari tahun 2015 hingga 2022 dan juga negeri Sembilan pada tahun 2011 hingga 2014. Pada bulan November 2022, beliau telah menamatkan perkhidmatannya sebagai seorang jurulatih negara dan buat masa sekarang, beliau lebih menceburkan diri dalam bidang pertanian. Beliau dilahirkan di Pedas, Rembau, Negeri Sembilan pada 18 Mac 1971 dan membesar juga di Pedas. Mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Pedas dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sedia Raja, Pedas. Kerja pertama beliau ialah di PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor) selama 2 bulan dan selepas itu, beliau bekerja pula di Bank Bumiputra pada tahun 1990. Selepas tamat sahaja kerja di bank dalam tahun 2001, beliau menjalankan perniagaan lebih kurang 10 tahun dan pada tahun 2011 pula, beliau menjadi jurulatih sukan sepak takraw untuk pasukan Negeri Sembilan hingga 2014. Akhir sekali pada tahun 2015, beliau terpilih untuk melatih pasukan negara Malaysia hingga tahun 2022. Selain menjadi jurulatih, beliau juga seorang pemain sepak takraw untuk pasukan Negeri Sembilan, Malaysia dan Kuala Lumpur. Selain daripada bidang sukan sepak takraw, beliau juga berkebolehan dalam sukan bola sepak dan pernah mewakili sekolah-sekolah di Negeri Sembilan.

PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ABD TALIB BIN AHMAD K/P: 22 00000 pada
28/11/2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh ABD TALIB AHMAD)
Tarikh: 28/11/2022

(Jafalizan bin Md.Jali)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

SENARAI SOALAN

1. Boleh *coach* terangkan tentang latar belakang diri *coach*?
2. Boleh saya tahu tentang pekerjaan *coach* sekarang dengan sebelumnya?
3. Adakah cita-cita *coach* waktu kecil untuk menjadi jurulatih sepak takraw?
4. Tentang ahli keluarga tadi, ada ahli keluarga *coach* yang menceburi bidang sepak takraw juga seperti *coach*?
5. Anak-anak *coach* bagaimana?
6. Main juga?
7. Adakah bola takraw, antara bola takraw dengan bola-- sepak yang *coach* ceritakan tadi, adakah dua-dua minat *coach*? Apakah minat *coach* pada mulanya?
8. Bilakah *coach* menceburi dalam bidang sepak takraw?
9. Sebab apa minat, *coach* boleh minat dalam bidang sepak, bola sepak?
10. Sebelum menjadi jurulatih, apakah [sic, adakah] *coach* pernah memenangi apa-apa pertandingan sepak takraw?
11. Perilly's?
12. Adakah terdapat kursus-kur-, kursus-kursus yang *coach* sertai untuk menjadi pemain takraw yang lebih bagus?
13. Boleh *coach* ceritakan, bilakah bermula khidmat sebagai jurulatih sepak takraw pada awalnya?
14. Apa nama la-, tempat latihan pertama yang *coach* selalu pergi untuk melatih pasukan Negeri Sembilan?
15. Boleh saya tahu pangkat tertinggi *coach* sebagai jurulatih?
16. Bagaimana *coach* boleh terpilih menjadi ketua jurulatih? Adakah ada terdapat syarat-syarat yang disediakan?
17. Ramai ke sertai, yang menyertai temubual itu?
18. Kalau *coach* ingat siapa yang melantik *coach* sebagai ketua jurulatih negara?
19. Persatuan?
20. Selain itu, ada kursus-kursus yang *coach* perlu sertai?
21. Kursus itu *coach* sertai sebelum jadi jurulatih atau semasa jadi jurulatih?

22. Adakah kursus kejuru- kejurulatihan ini membawa prestasi yang baik kepada *coach* dan pasukan negara Malaysia?
23. Dia [Kursus kejurulatihan] membawa perkara yang baik kepada negara?
24. Ketika *coach* jadi jurulatih, boleh *coach* senaraikan pertandingan yang Malaysia sertai?
25. Sekira- sekiranya *coach* masih ingat apa pencapaian pertama *coach* sebagai ketua jurulatih negara?
26. Bagaimana perasaan *coach* selepas memenangi emas Piala Asia, Asia Games?
27. Selama berapa tahun Malaysia tidak memenangi Sukan Asia?
28. Dua puluh empat tahun?
29. Bagaimana negara Malaysia boleh sangat bersemangat untuk mengalahkan Indonesia pada Sukan Asia 2018?
30. Adakah Kem Komando itu memang diaorang [pemain-pemain] akan sertai setiap tahun?
31. Apakah kenangan pahit ketika mengetuai skuad sepak takraw negara?
32. Macam mana dengan pemain muda yang baru bersama dengan *coach*, diaorang punya, adakah diaorang terima apa yang syarat-syarat yang *coach* telah lakukan?
33. *Coach*-- kata *coach* telah tamat tem- tamat sebagai jurulatih dan apa yang *coach* lakukan selepas menamatkan perkhidmatan sebagai jurulatih sepak takraw negara?
34. Okey. Boleh *coach* ceritakan tentang sejarah sukan sepak takraw?
35. Bagaimana pula sepak takraw boleh datang dibawa masuk untuk bermain di Malaysia?
36. Apa maksud SEAP?
37. Sebab--? Boleh *coach* ceritakan serba sedikit lah sebab sepak takraw ini dimainkan di Malaysia. Adakah disebabkan kerjasama diantara dua negara Malaysia dan Thailand ataupun hobi?
38. Bagaimana sukan sepak takraw-- ini boleh dipertandingkan hingga peringkat antarabangsa?
39. Kebanyakannya terdiri daripada negara Asia?
40. Adakah teknik permainan Asia Tenggara dan Asia itu sama ataupun berbeza setiap negara?
41. Kiranya untuk menjadi seorang pemain yang terkenal mesti ada minat dari kecil lah?
42. Boleh saya tahu apakah peraturan dalam permainan sepak takraw dari segi pemakaian?
43. Kiranya peraturan pemakaian itu diberikan oleh tuan rumah untuk sukan?
44. Dari segi pemakaian kasut, adakah terdapat peraturan khas ataupun syarat khas?

45. Apa pula peraturan dalam permainan sepak takraw dari segi kelewatan ke tempat pertandingan?
46. Kalah tanpa bertanding?
47. Bagaimana pula untuk peraturan dari segi jumlah pemain termasuk simpanan?
48. *Quadrel* itu?
49. Kebiasaannya untuk bermain sepak takraw ini tiga ataupun empat pemain yang kebiasaannya untuk dipertandingkan?
50. Untuk bermain sepak takraw, apakah anggota badan yang dibenarkan untuk digunakan ketika bermain?
51. Kalau contoh pemain itu tergunakan tangan ataupun mana-mana anggota [anggota badan], memang batal terus?
52. Apakah posisi yang ada di dalam kumpulan untuk permainan sepak takraw ini?
53. Apakah tugas-tugas setiap posisi tersebut?
54. Apakah posisi yang paling penting dalam kumpulan ketika dalam permainan?
55. Untuk ketiga-tiga posisi ini, bolehkah mereka membuat jaringan gol [buat rejaman] ataupun hanya tekong sahaja?
56. Bagaimana dengan *server* tekong? Dia pun boleh, antara tiga itu boleh tukar posisi?
57. Apakah perkara yang dilarang untuk setiap posisi ketika dalam permainan?
58. Boleh bertukar posisi?
59. Bagaimana pertukaran, pertukaran pemain dia akan tukar masa _____ orang yang sama?
60. Jika pemain yang sedang bermain mengalami kecederaan, adakah pemain simpanan akan terus masuk ataupun tunggu masa yang diberikan?
61. Kebiasaannya kecederaan yang dialami adalah -- Apakah kecederaan yang kebiasaannya dialami oleh para pemain?
62. Kiranya pemain itu akan direhatkan daripada bermain untuk tempoh tersebut?
63. Bagaimana pula dengan sistem pemarkahan dikira di Malaysia untuk sukan sepak takraw?
64. Adakah sistem kiraan lama ke sistem kiraan baru yang dua puluh satu?
65. Adakah terdapat syarat-syarat khas semasa pemilihan pemain?
66. Kiranya ada ketinggian khas untuk pemain tersebut atau tidak?
67. Adakah syarat pemain harus mempunyai tapak kaki yang besar ataupun leper ataupun rata?
68. Kiranya saiz tapak kaki akan mempengaruhi tahap kesihatan pemain tersebut?

69. Selain itu, jika pemain tersebut rabun adakah dia boleh bermain sepak takraw ataupun--?
70. Jika seseorang pemain tersebut mengalami kecederaan, adakah dia boleh bermain seperti sebelum ini ataupun ada cara lain?
71. Kebanyakan sukan sepak takraw ini dimainkan oleh lelaki atau pun perempuan?
72. Bagi *coach* siapa pemain lelaki yang terbaik dengan perempuan?
73. Bagaimanakah setiap pemain memilih ketua untuk pasukan mereka?
74. Untuk memilih kapten, adakah umur- kapten itu mempengaruhi ataupun tidak?
75. Pada pendapat *coach*, adakah sukan sepak takraw masih relevan untuk dimainkan pada masa kini?
76. Kiranya generasi akan datang harus meneruskan permainan ini?
77. *Coach* rasa mengapa sepak takraw, bola sepak lebih terkenal berbanding sepak takraw?
78. Bolehkah *coach* terangkan bagaimanakah sepak takraw dimainkan?
79. Apakah teknik yang digunakan oleh pemain ketika dalam gelanggang?
80. Apakah teknik yang digunakan oleh pemain ketika dalam gelanggang?
81. Apa maksud *contact*?
82. Ada nama khas timbang bola itu, nama teknik itu?
83. Siapakah yang memperkenalkan teknik-teknik yang ada di dalam sukan sepak takraw yang dimainkan?
84. Maksudnya sebelum ini, permainan sepak takraw ini dimainkan tanpa jaring?
85. Sepak raga tiada, takda jaring. Dimainkan?
86. Adakah setiap pemain takraw perlu kuasai semua-semua teknik yang *coach*-
87. Adakah setiap pemain sepak takraw perlu me- menguasai semua teknik yang ada?
88. Adakah terdapat teknik rahsia dalam suatu pertandingan?
89. Boleh *coach* senaraikan satu teknik rahsia?
90. Mengapakah bola dalam sepak takraw ini berbeza dengan bola yang ada di permainan sukan yang lain?
91. Apakah teknik-teknik sepak takraw yang diperbaharui pada masa kini?
92. Adakah teknik-teknik itu masih dipelajari pada hari ini?
93. Dalam kursus-kursus yang *coach* sertai, adakah teknik-teknik itu juga dipelajari?
94. Dalam permainan sepak takraw, adakah terdapat teknik-teknik *leccit* [tipu muslihat] untuk bertanding atau berlawan dengan pihak lawan?

95. Adakah jika pemain menggunakan teknik ini, pemain tersebut akan dikenakan tindakan tatatertib atau tidak?
96. Apakah harapan *coach* untuk memajukan sukan sepak takraw negara?
97. Boleh *coach* terangkan cara-cara untuk memajukan untuk menaikkan?
98. Apakah nasihat *coach* pada golongan muda yang baru menceburi bidang, menceburkan diri dalam bidang sukan sepak takraw?

DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA	TEMPAT	AKTIVITI
20/10/2022	11:00 AM	LAB ORAL HISTORY	● Pensyarah memberitahu bahawa tokoh yang dipilih haruslah berumur 40 tahun ke atas dan pakar dalam sesuatu bidang
27/10/2022	11:00 AM	LAB ORAL HISTORY	● Kami perlu memilih tajuk sebelum membuat pemilihan tokoh. Permulaannya ialah tajuk berkenaan dengan Sukan. ● Pensyarah memberi tugas menyediakan kertas cadangandalam tempoh dua minggu setelah pemilihan tajuk dan tokoh
3/11/2022	10:00 AM	LAB ORAL HISTORY	● Membuat perbincangan bersama ahli kumpulan untuk memilih tokoh yang sesuai dalam tajuk sukan yang telah dipilih ● Kami telah memilih bidang sepak takraw dan bersetuju untuk memilih Abd Talib

			Ahmad sebagai tokoh yang akan ditemuramah ● Kami mengumpul maklumat tentang beliau dari internet ● Kami mencari 2 orang lagi “<i>backup</i>” individu yang bakal ditemuramah jika gagal menghubungi beliau ● Kami menyiapkan sedikit kertas cadangan dibahagian pemilihan topik
10/11/2022	12:00 PM	LAB ORAL HISTORY	● Pensyarah memberitahu bahawa topik yang dipilih adalah bebas ● Kami telah membuat keputusan untuk meneruskan topik kami berkaitan sukan
11/11/2022	9:00 AM	PTAR PUNCAK PERDANA	● Menyiapkan kertas cadangan untuk dihantar pada minggu hadapan
14/11/2022	5:00 PM	WHATSAPP	● Mendapat persetujuan daripada tokoh untuk menemubual beliau

17/11/2022	12:00 PM	LAB ORAL HISTORY	● Menghantar kertas cadangan kepada pensyarah untuk melakukan temubual bersama Encik Abd Talib Ahmad
24/11/2022	9:00 PM	GOOGLE MEET	● Sesi berkenalan bersama tokoh ● Berbincang mengenai tarikh yang sesuai untuk ditemubual
1/12/2022	12:00 PM	LAB ORAL HISTORY	● Pensyarah memberikan tugas untuk menyediakan sekurang-kurangnya 100 soalan untuk digunakan semasa temubual
8/12/2022	10:00 AM	BILIK PENSYARAH	● Pensyarah menyemak kertas soalan temuramah kami. ● Kami perlu mengklasifikasikan soalan mengikut 3 bahagian. ● Struktur soalan dibetulkan semula
16/12/2022	9:00 AM	BILIK PENSYARAH	● Pensyarah menyemak semula soalan temuramah dan telah meluluskan soalan tersebut untuk diguna



			semasa sesi temuramah.
19/12/2022	12:00 PM	STESEN LRT GLENMARIE	• Bertolak dari Shah Alam ke Gombak • Perjalanan mengambil masa 1 jam
	1:00 PM	STESEN LRT GOMBAK	• Kami tiba dengan selamat
	2:00 PM	KEDIAMAN KELUARGA ABD TALIB AHMAD	• Tiba di rumah tokoh di Taman Selaseh Fasa 1, Batu Caves, Selangor • Mencuba peralatan yang akan digunakan semasa temuramah
	3:00 PM - 5:00 PM	RUMAH TOKOH	• Sesi temuramah bersama Encik Abd Talib Ahmad dimulakan • Kami membahagikan kepada 3 sesi temuramah • Sesi pertama mengambil masa 35 minit • Sesi pertama berhenti rehat • Kami meneruskan sesi temubual yang ke-2 selama 32 minit • Sesi kedua berhenti rehat • Kami meneruskan sesi temubual yang ke-3

			mengambil masa 36 minit ● Tamat sesi temubual bersama Encik Abd Talib Ahmad ● Sesi bergambar dan penyerahan cenderamata kepada Encik Abd Talib Ahmad
	5:30 PM	STESEN LRT GOMBAK	● Meneruskan perjalanan pulang ke Shah Alam
	6:30 PM	STESEN LRT GLENMARIE	● Perjalanan selamat sampai
22/12/2022	9:00 AM	PTAR PUNCAK PERDANA	● Menyiapkan transkrip
5/1/2023	11:30 AM	LAB ORAL HISTORY	● Menyiapkan transkrip
12/1/2023	12:00 PM	ORAL HISTORY LAB	● Penyemakan pertama 3 muka surat transkrip temubual ● Pensyarah membetulkan kesalahan yang terdapat di dalam transkrip
19/1/2023	9:00 AM	PTAR PUNCAK PERDANA	● Menyiapkan transkrip setelah disemak oleh pensyarah
25/1/2023	10:30 AM	PTAR PUNCAK PERDANA	● Menyusun laporan mengikut aturan yang telah


			ditetapkan. ● Melengkapkan indeks dan glosari. ● Meletakkan gambar ke dalam laporan.
29/1/2023	8:00 PM	APARTMENT RESAK KEDIAMAN PENEMUBUAL 1	● Proses penghantaran laporan lengkap berkaitan temubual di platform Ufuture

GAMBAR, SIJIL, DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN











PARA pemain negara merayakan kemenangan mereka bersama-sama penyokong dan pegawai pasukan sepak takraw Thailand pada perlawanan akhir Kejohanan Sepak Takraw Siri Super Istaf 2 di MITC, Melaka semalam.

APITuan Malaysia, Khairul Zamri, melancarkan permainan pada aksi menentang Thailand pada perlawanan akhir Kejohanan Sepak Takraw Siri Super Istaf 2 di MITC, Melaka semalam yang berkesudahan Malaysia menang 21-7, 21-19.

Musnahkan musuh tradisi Thailand pada final Kejohanan Sepak Takraw Siri Super Istaf 2

Kebangkitan Malaysia

SKUAD sepak takraw negara mula memamerkan kebangkitan. Semalam, mereka mencatat sejarah baharu apabila menumbangkan musuh tradisi, Thailand pada perlawanan akhir Kejohanan Sepak Takraw Siri Super Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) 2 2014/2015 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Melaka.

Kejayaan tersebut menamatkan kemarau kemenangan hampir sedekad ke atas jaguh sepak takraw dunia itu, sekali gus tercatat sebagai sejarah baharu dalam sukan sepak takraw negara.

Ia juga merupakan kejayaan pertama buat skuad negara pada kejohanan yang mula diperkenalkan pada tahun 2011 itu.

Wira negara semalam sudah pastinya regu yang dibarisi Farhan Adam, Mohd. Syahir Rosdi dan Hanafiah Dollah yang tampil dengan rentak permainan bertenaga untuk meraih kemenangan 2-0 (21-7, 21-19).

Biarpun diberi tentangan hebat oleh Thailand yang mendahului mata pada set kedua, namun regu negara tidak mudah panik, malah terus mempertahankan disiplin yang tinggi untuk mengekalkan konsentrasi terhadap permainan.

Kejayaan tersebut mengakhiri dendam mereka terhadap Thailand yang menguasai aksi pusingan pertama di Nay Pyi Taw, Myanmar pada November tahun lalu.

Jurulatih skuad negara, Abd. Talib Ahmad menjelaskan, taktik memasukkan Khairul Zaman pada set kedua telah membawa hasil apabila libasan bola tingginya gagal ditampar pemain lawan.

Beliau turut memuji kesemua pemainnya yang berani mencuba dan memamerkan permainan sebenar untuk mengalahkan pasukan Thailand.

"Alhamdulillah, kita akhirnya berjaya menewaskan Thailand di Melaka dan ia kejayaan yang amat berharga buat pasukan negara yang mula memamerkan kebangkitan.

"Ini mungkin permulaan buat kita kembali menguasai sukan sepak takraw di rantau ini," katanya.

BERITA DI MUKA 60

